

Sumbangan daripada:

**Yg. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji b. Abdul Hamid  
Ketua Setiausaha Negara**

# “THE MALAY DILEMMA”

## BAHASA, BANGSA & AGAMA

*oleh*

Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain

Dicetak oleh:  
Pakar Print Sdn. Bhd.,  
11, Persiaran Ara Kiri,  
Lucky Garden, Bangsar,  
Kuala Lumpur.

1982

Agenzia Penerbitan Nusantara  
Petaling Jaya



Hadijah

733465

M

899.234

MUK

12 OCT 1994  
Perpustakaan Negara  
Malaysia

## *Prakata*

Buku ini saya susun dengan harapan semoga perjuangan kita sebagai suatu bangsa akan berterusan. Melayu adalah konsep yang hidup dan bangsa Melayu haruslah mempertahankannya. Kata-kata Hang Tuah “takkan Melayu hilang di dunia” bergantung pada apakah konsep Melayu itu akan terus kita aktifkan. Mengaktifkan konsep Melayu bererti membina, mengembang dan menuturkan bahasa Melayu pada setiap ketika; menghayati Islam dalam ertikata yang sebenarnya; menghormati cara hidup Melayu yang tidak bertentangan dengan Islam. Oleh kerana Islam yang dihayati menjadi landasan pandangan dunia orang-orang Melayu, maka Melayu yang bukan bersifat ras adalah sejagat dan terbuka kepada sesiapa pun juga untuk menjadi ahlinya. Sejarah bangsa Melayu telah membuktikan bahawa kemasukan orang-orang dari berbagai ras telah memperkuatkan kehidupan mereka dari berbagai segi. Sekiranya tidak terdapat keadilan dalam masyarakat bangsa Melayu itu, orang-orang telah tidak akan “masuk Melayu” pada masa-masa lampau. Oleh kerana tidak ada diskriminasi ras dan warna kulitlah konsep Melayu itu dapat hidup dan berkembang. Sekarang bergantung kepada kita orang-orang Melayu untuk terus membuktikan bahawa konsep Melayu itu adalah jalan keselamatan bagi semua. Ini akan hanya

dapat kita lakukan jika Islam kita hayati dengan betul dan sempurna.

Ke dalam buku ini saya masukkan lima karangan saya yang berhabitan dengan bangsa Melayu. Yang pertama ialah karangan yang berupa komentar terhadap buku Mahathir bin Mohamad yang berjudul "The Malay Dilemma". Seperti yang kita ketahui, buku ini amat kritikal terhadap bangsa Melayu dan telah pernah diharamkan oleh kerajaan. Dalam komentar saya, saya telah berterus terang memperlihatkan apa yang baik dan apa yang tidak baik dalam buku ini.

Yang lainnya adalah karangan-karangan saya mengenai *bahasa*, *bangsa* dan *agama* yang telah pernah diterbitkan dalam majalah, buku dan suratkhabar. Majalah yang telah menerbitkan karangan saya itu ialah majalah *Gelora*. Majalah ini telah menerbitkan dua daripada karangan-karangan saya ini iaitu (a) "Teori Nilai dan Revolusi Mental" (Julai 1968), dan (b) "Bahasa Inggeris: Bahaya dan Harganya" (September 1968). Buku yang telah menerbitkan karangan saya "Dayacipta Bahasa Malaysia Dalam Pembentukan Keperibadian Kebangsaan" ialah buku terbitan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang berjudul *Asas Kebudayaan Kebangsaan* (1973). Suratkhabar yang telah menerbitkan satu lagi karangan saya itu pula adalah *Utusan Melayu* (Mac, 1977) dan judul karangan saya ialah "Siapakah Sebenarnya Musuh Bangsa Melayu?".

Ada di antara perkara-perkara yang telah saya kemukakan di dalam karangan-karangan saya itu sudah tidak berlaku lagi sekarang dan oleh yang demikian tidak relevan lagi. Ada di antara pendapat-pendapat dan pandangan-pandangan saya di dalam karangan-karangan ini, (kecuali komentar saya mengenai "The Malay Dilemma") telah berubah. Perubahan-perubahan itu adalah disebabkan oleh

beberapa perkara. Misalnya ada di antara perkara-perkara yang saya kritik dahulu sudah tidak berlaku lagi sekarang, ataupun apa yang saya fikirkan betul dulu sebenarnya tidak benar. Oleh yang demikian saya mengubah pandangan dan pendapat saya berdasarkan kepada kebenaran. Saya rasa ini wajib saya lakukan.

Saya juga selalu menukar istilah yang saya gunakan. Dulu saya gunakan istilah *bahasa Malaysia* tetapi sekarang istilah ini saya gantikan dengan istilah *bahasa Melayu*. Penukaran ini bukan saya lakukan secara sewenang-wenang. Apabila istilah *bahasa Melayu* digunakan, maksudnya lebih tepat dari segi sejarah kebangsaan Melayu dan oleh itu lebih menthabitkan bangsa Melayu. *Identiti Melayu* amat terikat kepada istilah ini. Adalah menjadi kewajipan orang-orang Melayu untuk mempertahankannya. Yang dijadikan bahasa kebangsaan adalah bahasa Melayu dan ini benar. *Bahasa Malaysia* tidak membawa maksud Islam dan cara hidup Melayu. Ia bermaksud bahasa negara Malaysia yang boleh apa-apa bahasa sahaja. Mudah-mudahan istilah *bahasa Melayu* tidak beransur-ansur terlepas dari pegangan kita seperti halnya dengan benda-benda dan perkara-perkara lain yang telah terlepas.

Akhirnya saya ingin memulakan dengan penerbitan buku ini suatu siri bahan pembacaan yang bernama *Siri Pemuda Melayu*. Buku ini adalah yang pertama dan oleh itu saya namakan *Siri Pemuda Melayu 1*.

Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain

*Jabatan Pengajian Melayu,  
Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur.*

*Agensi Penerbitan Nusantara  
Tingkat 2, No. 18B, Jalan Tengah,  
Petaling Jaya.*

*Pertama kali diterbitkan 1982.  
© Raja Mukhtaruddin bin Raja Mohd. Dain*

<i>Isinya</i>	<i>Halaman</i>
“The Malaya Dilemma”	1
Bahasa Inggeris: Bahaya dan Harganya	51
Dayacipta Bahasa Malaysia dalam Pembentukan Keperibadian Kebangsaan	67
Teori Nilai dan Revolusi Mental	79
Siapakah Sebenarnya Musuh Melayu Sekarang?	91



## *“The Malay Dilemma”*

*‘Sekarang, seperti dulu, orang-orang Melayu seolah-olah tercunggang-cunggit di antara keinginan untuk mempertahankan hak-hak mereka dan mendakwa atau memperuntukkan kepada dirinya secara andaian atau tanpa hak apa yang mereka anggap hak mereka, dengan keinginan yang melimpah-limpah untuk berbudi bahasa, bersopan santun dan bertimbangrasa terhadap hak-hak dan permintaan-permintaan orang lain. Terpendam di dalam hati mereka adalah suatu kepercayaan bahawa biar apapun yang mereka hendak lakukan, perkara, benda dan keadaan akan terus terlucut dari kawalan mereka; bahawa secara beransur-ansur tetapi dengan kepastian mereka menjadi Pak Kaduk di bumi mercka sendiri.’<sup>1</sup>*

PETIKAN ini menyimpulkan intisari maksud dilema atau rasa serba salah orang-orang Melayu menurut Mahathir dalam bukunya *The Malay Dilemma*. Bahawa orang-orang

<sup>1</sup> Mahathir bin Mohamad, *The Malay Dilemma*. Federal Publications, Kuala Lumpur, 1981, m.s. 3. “Now, as before, the Malays seem to be teetering between the desire to assert their rights and arrogate to themselves what they consider to be theirs, and the over-

Melayu terumbang-ambing di antara dua keinginan, iaitu yang satu untuk mempertahankan hak mereka dan yang satu lagi untuk berpekerja baik dan bertimbangrasa dalam hubungan mereka dengan orang-orang bukan Melayu, adalah suatu kebenaran yang tidak dapat dinafikan. Psikologi yang demikian inilah yang telah menyebabkan mereka menjadi lemah dan akhirnya mereka berkepercayaan bahawa mereka tidak berdaya lagi, terlepas segala-galanya, sehingga menjadi Pak Kaduk di negeri sendiri.

Mahathir selanjutnya telah memberikan sebab-sebab kenapa psikologi orang-orang Melayu begitu lemah dan seterusnya mengemukakan hujjah-hujjah mempertahankan kedudukan orang-orang Melayu di negara ini.

Sebab-sebab kelemahan orang-orang Melayu yang dikemukakan oleh Mahathir ialah (i) baka dan (ii) persekitaran.

Menurut Mahathir, zuriat pasti menyamai sifat-sifat tabii yang utama dari ibubapanya. Persamaan-persamaan, katanya, bukanlah setakat ciri-ciri fizikal sahaja. Persamaan-persamaan adalah juga dari segi perwatakan, kecerdasan, malahan juga kecenderungan-kecenderungan. Namun demikian, persamaan-persamaan ini bukanlah seratus peratus sama. Ada yang berlebih-lebihan dan ada yang hanya kesan-kesan luaran sahaja.

Untuk menguatkan hujjahnya, Mahathir telah mengutip Hukum Mendel. Hukum Mendel, yang berdasarkan percobaan Gregor Johann Mendel yang sistematis mengenai pembiakan tikus putih dan tikus sawo matang, menyatakan salah satu dari dua jenis tikus ini adalah lebih kuat

“*whelming desire to be polite, courteous and thoughtful of the rights and demands of others. Deep within them there is a conviction that no matter what they decide to do, things will continue to slip from their control, that slowly but surely they are becoming dispossessed in their own land.”*

mempengaruhi dari yang satu lagi dalam generasi yang pertama. Lazimnya baka baik adalah lebih mempengaruhi. Bagaimanapun, pengaruh ini berkurangan dalam generasi-generasi yang berikutnya sehingga, jika pembiakan berterusan di kalangan sesama mereka, zuriat-zuriat akan menjadi lemah. Menurut Mahathir, orang-orang Melayu menjadi bangsa yang lemah berbanding dengan bangsa lain adalah disebabkan oleh amalan mereka berkahwin dalam keluarga seperti perkahwinan satu pupu. Di samping itu, menurut Mahathir, terdapat juga di dalam masyarakat Melayu kahwin paksa, iaitu dalam ertikata memaksa seseorang itu berkahwin samada ia layak atapun tidak dari segi perkembangan kecerdasannya.

Pendapat Mahathir ini bukan hanya berkaitan dengan teori evolusi yang tidak dapat diterima oleh Islam jika ia dalam bentuk murinya, tetapi juga berkaitan atau berirasiraskan pendapat Hitler tentang ras superior. Seperti yang kita maklumi Islam menerima manusia itu sebagai makhluk Allah dan tidak sama kejadiannya kecuali di sisi Allah. Sungguhpun mereka harus berusaha, namun hasil usahanya itu akhir-akhirnya bergantung kepada keredaan Allah dan oleh Islam, yang dicari adalah keredaan Allah ini. Inilah keteguhan iman yang amat penting bagi keselamatan manusia itu sendiri. Islam menjamin keselamatan manusia. Memang terbukti bahawa kuasa Allah dalam hal penciptaan manusia ini mutlak sekali. Mati, tidak siapa yang dapat menentukannya. Orang-orang dari keluarga yang 'bodo' berakhir dengan mendapat zuriat yang baik, walaupun mereka berkahwin keluarga, dan orang-orang dari keluarga 'panda' berakhir dengan anak-anak mereka tidak mencapai apa-apa kemajuan. Ini adalah hakikat yang harus diterima dan Mahathir dalam kes ini adalah agak keterlaluan tetapi oleh kerana tujuan atau maksudnya itu baik dan selanjutnya tidak

melakukan sesuatu seperti yang telah dilakukan oleh Hitler, maka ia tidaklah harus dikutuk. Malah ia perlu di-sedarkan supaya tindakan-tindakan selanjutnya akan lebih siuman dan berdasarkan wahyu Allah subhanahuwata'ala.

Berhubung dengan pengaruh persekitaran terhadap ras (bangsa) pula, Mahathir sependedat dengan pendapat umum bahawa persekitaran adalah faktor yang paling penting, di samping baka, yang bertanggungjawab menentukan perkembangan fizikal, mental dan psikologi seseorang itu. Di sini Mahathir sekali lagi memetik teori evolusi Darwin yang menyatakan bahawa dunia ini penuh dengan bahaya dan oleh itu manusia mesti tahu menyesuaikan dirinya dengan persekitarannya untuk dapat selamat (*survive*). Penyesuaian dengan persekitaran harus berlaku dari generasi ke generasi hingga akhirnya muncul di kalangan manusia itu zuriat yang cerdik yang menyesuaikan persekitaran dengan keperluan-keperluannya. Menurut Mahathir pengaruh baka dan persekitaran terhadap manusia adalah berkaitan dan saling melengkapi.

Persekitaran manusia itu, kata Mahathir, terdiri dari berbagai faktor, dan pada kelazimannya, kesan-kesan dari satu set keadaan-keadaan diimbangi oleh yang satu lagi.

Faktor pertama yang dihuraikan oleh Mahathir adalah faktor geografi. Tanah Melayu adalah berupa dataran subur dari pantai laut ke kaki gunung. Orang-orang Melayu tidak perlu ke gunung untuk bersawah ladang dan mereka mempunyai cukup tanah untuk dikerjakan. Dengan tinggal di tepi-tepi sungai, mereka dapat bergerak dengan mudah melalui sungai-sungai itu. Orang-orang Melayu tidak pernah berhadapan dengan masalah survival. Mereka tidak kelaparan dan tidak pula menghadapi sebarang kesulitan. Yang paling lemah di antara mereka pun masih boleh *survive*.

Orang Melayu menurut Mahathir lagi, mempunyai ba-

nyak waktu lapang tetapi iklim panas dan humid (lembab) tidak sesuai untuk bekerja keras atau untuk berfikir. Oleh itu, katanya, orang Melayu hanya menggunakan masa lapang mereka untuk berehat dan berbual-bual sesama mereka.

Orang-orang Melayu yang bertani tinggal terpisah-pisah dan perhubungan di antara mereka sangat terhad. Tidak ada pembahagian kerja. Tiap petani menyediakan keperluannya sendiri.

Orang-orang Melayu yang tinggal di bandar-bandar, di muara-muara sungai, yang pada kelazimannya kecil-kecil (kecuali yang didiami oleh orang-orang besar atau raja-raja), adalah lebih sofistikated dan lebih teratur daripada petani-petani. Dengan dinaungi oleh raja-raja, para tukang, sarjana, peniaga dan pentadbir berkumpul dalam kumpulan-kumpulan masyarakat yang terjalin rapat yang bertambah berlainan daripada petani-petani yang terdiri daripada sebahagian besar penduduk Melayu. Perhubungan di antara orang bandar dengan orang yang bertani sedikit sekali dan begitu jugalah halnya dengan perkahwinan, kata Mahathir.

Faktor kedua yang penting menurut Mahathir adalah pengaruh Islam. Sebelum Islam orang-orang Melayu adalah animistik, yakni percaya kepada semangat dan selepas itu mereka beragama Hindu. Islam telah datang melalui bandar dan membawa perubahan yang amat besar kepada masyarakat Melayu. Dalam tempoh yang singkat mereka telah pandai membaca dan menulis dan falsafah serta sains yang datang bersama-sama Islam telah mempengaruhi kebudayaan Melayu. Namun demikian, kata Mahathir, pengaruh Islam ini tidak begitu telut ke kampung-kampung. Di kampung-kampung, orang Melayu sangat terpengaruh oleh adat resam dan kepercayaan-kepercayaan animistik sehingga menyebabkan agama Islam yang dianuti bercampur aduk

dengan adat dan kepercayaan animistik itu.

Oleh yang demikian, kata Mahathir, perbezaan di antara bandar dengan luarbandar itu bertambah ketara.

Di samping itu Mahathir juga berpendapat bahawa pengarutan agama Islam telah menyebabkan pergaulan bebas dan kahwin campur di antara ras seperti Cina dengan Melayu, berkurangan. Tidak sama halnya dengan Thailand. Di Thailand orang Cina diserap ke dalam masyarakat Thai asli. Di Tanah Melayu, seperti di Melaka, sungguhpun orang-orang Cina menuturkan bahasa Melayu, memakai pakaian Melayu dan menghayati sebahagian dari cara hidup Melayu, mereka tidak diserap ke dalam masyarakat Melayu disebabkan perbedaan-perbedaan dari segi agama.

Faktor ketiga yang penting dari segi persekitaran, menurut Mahathir, adalah kemasukan imigran-imigran Cina secara beramai-ramai. Di negeri Cina, kata Mahathir, orang-orang Cina selama 4000 tahun telah terpaksa menghadapi berbagai malapetaka baik yang semula jadi maupun yang disebabkan oleh manusia. Kepada orang-orang Cina hidup adalah perjuangan untuk selamat (*struggle for survival*) yang berterusan. Dalam proses ini, yang lemah di antara mereka terpaksa terhapus. Di samping itu, adat melarang orang Cina berkahwin sesama suku dan akibatnya mereka mendapat baka yang lebih baik untuk memudahkan survival.

Orang-orang Cina juga terpaksa menghadapi maharaja-maharaja dan kepala-kepala perang mereka dan terpaksa pandai menyesuaikan diri dengan para pegawai untuk dapat hidup dengan sempurna. Semua ini menyebabkan mereka menjadi tahan lasak dan cekap. Apabila mereka turun dari Negeri China ke daerah Asia Tenggara ini mereka berupa orang-orang yang sedia mencintai kehidupan yang lebih baik dan sudah tentulah berdeterminasi penuh untuk

berkerja keras ke arah ini.

Kedatangan orang-orang Cina secara beramai-ramai dengan dorongan dari British kemudiannya telah mengancam kedudukan orang-orang Melayu dari berbagai segi. Mereka dengan cepat telah menggantikan tempat orang-orang Melayu sebagai peniaga-peniaga kecil dan segala macam kerja mahir yang lain. Apabila mereka bertambah kaya, mereka telah mewujudkan hubungan pegawai dan peniaga seperti yang terwujud di China dan akhirnya mereka bertapak di bandar-bandar dan menguasai ekonomi. Orang-orang Melayu menjadi terdesak, menjual tanah-tanah mereka, dan berpindah ke luar bandar. Pola ini telah berlaku sewaktu kedatangan British dan telah menjadi lebih ligat apabila British mula memerintah. British telah menyediakan infrastruktur untuk kegiatan Cina ini demi kepentingan perdagangan mereka. Bandar-bandar akhirnya menjadi bandar-bandar Cina.

Orang-orang Cina begitu asyik mencari wang dan tidak berminat dalam pemerintahan. Mereka membiarkan pemerintahan di tangan orang-orang Melayu sungguhpun mereka tidak begitu meredai kuasa orang-orang Melayu. Atau pun mungkin juga oleh kerana orang Melayu sedar lebih awal bahawa kuasa politik harus mereka pertahankan. Sekiranya orang-orang Cina berminat dalam bidang politik pada zaman awal pemerintahan British dahulu, kedudukan orang-orang Melayu telah akan menjadi lebih dahsyat dari pada apa yang ada sekarang ini.

Menurut Mahathir, British bukan hanya telah memecahkan di antara Melayu dengan Cina, tetapi juga di antara Melayu bandar dengan Melayu luar bandar.

Orang-orang Melayu di bandar kata Mahathir, mendapat pendidikan Inggeris yang lebih sempurna manakala orang-orang Melayu di luar bandar dinafikan. Sistem tanah sim-

panan untuk Melayu juga membantu memisahkan orang-orang Melayu, yang di luar bandar tetap di luar bandar. Di samping itu sistem ini memungkinkan British mengarahkan orang-orang Melayu ke mana sahaja, manakala kesan yang ditinggalkan ialah seolah-olah mereka bersungguh-sungguh menjaga kepentingan Melayu dari diancam oleh Cina.

Perhubungan di antara Melayu bandar dengan Melayu luar bandar juga terhalang kerana kurangnya jalan. Berita tidak tersebar ke luar bandar dan usaha untuk meninggikan pendapatan orang-orang Melayu luar bandar langsung tidak ada. Akhirnya, orang-orang Melayu luar bandar telah seratus peratus terbiar dari segi kemudahan perubatan dan mereka terdedah kepada segala macam penyakit seperti Malaria yang boleh meninggalkan kesan yang berkekalan pada diri mereka.

Perwatakan orang Melayu bandar makin berbeda dari perwatakan orang Melayu luar bandar. Orang Melayu bandar terdedah kepada perkembangan yang berlaku dan oleh itu lebih terbuka. Mereka berkahwin campur dan anak-anak hasil dari kahwin campur itu dianggap Melayu. Manakala di kampung hampir tidak ada kahwin campur dan yang berlaku adalah kahwin dalam keluarga. Di samping itu, kata Mahathir, orang Melayu kampung mempunyai tabiat berkahwin masih muda dan ini katanya, membawa kesan yang tidak baik. Demikian juga kahwin paksa seperti yang telah dinyatakan, lebih awal tadi, berlaku di kampung, kata Mahathir.

Kedatangan Jepun selepas Perang Dunia II, menurut Mahathir, telah membawa satu persekitaran yang mengubah orang-orang Melayu. Sikap mereka terhadap British berubah. Dalam Perang Dunia II orang-orang Melayu menghadapi kesulitan hidup yang tidak pernah mereka alami. Mereka tidak boleh bergantung kepada sesiapa. Mereka ter-

paksa berusaha untuk selamat (survive). Dengan tekanan-tekanan hidup ini, orang-orang Melayu mengalami perubahan perwatakan yang amat besar. Melihat bahawa masa depan mereka bergantung kepada politik, orang-orang Melayu telah berusaha mengatur diri mereka secara luar biasa. Pemimpin-pemimpin muncul dan ini akhirnya membawa mereka kepada apa yang disebut kemerdekaan. Namun demikian, kesedaran mereka yang luar biasa ini, menurut Mahathir, hanyalah di kulit sahaja. Tidak lama kemudian, setelah memperolehi kuasa, orang-orang Melayu, dengan kesenangan hidup yang mereka perolehi, menjadi lebih lembut kerana persekitaran selepas berkuasa itu lembut dan mengenepikan segala cabaran terhadap keselamatan (survival) dan kemajuan mereka. Malah, menurut Mahathir, persekitaran baru ini tidak baik bagi orang-orang Melayu. Mereka akan menjadi lebih lembik dan kurang berkebolehan untuk menghadapi kesukaran-kesukaran dengan bersendiri. Oleh sebab itu, kuasa politik, kata Mahathir, mungkin akhir-akhirnya membawa kepada kejatuhan mereka sendiri.

Walau bagaimanapun, jika orang-orang Melayu tidak dilindungi, mereka akan terhapus. Ini ialah kerana orang-orang Melayu, kata Mahathir, tidak mempunyai 4000 tahun untuk mencubakan perkara ini dan di samping itu, di Tanah Melayu ini, telah terdapat lebih ramai golongan imigran yang boleh menguak orang-orang Melayu sebaik sahaja perlindungan ditarik. Oleh itu, katanya, cadangan yang selalu dikemukakan supaya dibiarkan sahaja orang-orang Melayu berperang bersendirian dalam menghadapi masalah hidup mereka, tidak dapat dipertimbangkan secara serius. Jawapannya, menurut Mahathir, ialah melalui suatu jalan tengah di antara semacam "perlindungan yang membina" yang dirancangkan setelah satu pengkajian yang teliti di-

buat tentang kesan-kesan baka dan persekitaran. Sehingga ini dilakukan, kata Mahathir, kesan-kesan penghapusan baka dan persekitaran ke atas orang-orang Melayu, besar kemungkinannya akan berterusan.

Dalam menghuraikan faktor-faktor persekitaran yang mempengaruhi perwatakan Melayu, perhatian Mahathir pada pokoknya telah tertumpu kepada pemisahan di antara orang-orang Melayu dengan Cina dan di antara orang-orang di bandar dengan di luar bandar. Pemisahan menurut garis kawasan bandar dan luar bandar ini mungkin bersifat Marxist tetapi pada hakikatnya pemisahan bandar dan luar bandar ini adalah sesuatu yang benar dan tidak semestinya Marxist. Islam tidak melarang tinjauan yang demikian dan apa yang lebih penting ialah penyelesaianya tidak menurut lunas-lunas doktrin Marx. Mahathir hanya menghuraikan apa yang kebetulannya memang berlaku. Penyelesaian yang disebut oleh Mahathir ialah melalui suatu jalan tengah yang diungkapkan sebagai "perlindungan yang membina" bagi orang-orang Melayu.

Melalui faktor-faktor ini Mahathir telah berjaya memperlihatkan bagaimana segala-galanya kepunyaan Melayu boleh terlucut dari tangan mereka dan akhir-akhirnya boleh menjadi Pak Kaduk di negara mereka sendiri.

Sekarang kita boleh bertanya: Kalaualah orang-orang Melayu itu lemah dari segi psikologi disebabkan oleh baka dan persekitaran, apakah langkah-langkah yang dicadangkan oleh Mahathir untuk mengatas kelemahan ini?

Untuk menjawab soalan ini saya kira tidak perlu lagi menghuraikan bab demi bab dari bukunya dan mengemukakan satu persatu cadangan-cadangan yang dikemukakannya secara terperinci. Memadai rasanya ditinjau secara keseluruhan lojik pemikiran Mahathir dan menurunkan pemikiran-pemikiran itu satu persatu.

Pertamanya amat wajar jika diturunkan sikap Mahathir sebagai scorang Melayu terhadap bangsa Melayu.

Melayu menurut pemikiran Mahathir adalah suatu kumpulan manusia yang terbuka yang tidak bersifat ras. Kata-nya, "Satu aspek penting perkahwinan campur dalam se-agama yang patut diberi perhatian ialah hakikat bahawa, tidak kira si ayah atau si ibu Melayu, bayi dari hasil perkahwinan itu menganggap dirinya Melayu." Pemikirannya ini sesuai dengan konsep Melayu yang didefinisikan dalam perlumbagaan iaitu orang Melayu itu adalah seseorang yang menuturkan bahasa Melayu, hidup secara Melayu dan menganuti agama Islam.

Saya berpendapat, sekiranya Mahathir berjaya mengaktifkan konsep ini dalam tempoh pentabirannya sebagai Perdana Menteri, ia akan dikenangi oleh sejarah bangsa Melayu selama-lamanya. Sebabnya jelas kepada kita bahawa hidupnya bangsa Melayu itu adalah kerana hidupnya konsep Melayu. Sekiranya kita gagal dalam usaha kita mengembangkan agama Islam, mengembangkan bahasa Melayu, dan mengembangkan cara hidup Melayu yang tidak bertentangan dengan Islam, maka gagallah kita sebagai suatu bangsa yang ingin tegak sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa-bangsa lain. Apa yang disebut oleh Mahathir bahawa Islam selama ini menjadi penghalang kepada kahwin campur memang benar tetapi seharusnya tidak demikian. Sebagai agama yang bersifat sejagat, Islam harus diperkenalkan secara sistematis oleh orang-orang Melayu kepada orang-orang lain yang bukan Islam. Di samping itu orang-orang Islam sendiri haruslah menunjukkan bahawa agama Islam itu betul-betul membawa petunjuk yang benar kepada manusia untuk memperoleh keselamatan dan kehidupan yang sempurna di muka bumi ini sebagai suatu **addirin**. Islam sepatutnya terjelma dalam setiap detik

kehidupan orang-orang Melayu. Segala kemajuan insya Allah akan dapat dicapai dan dengan demikian orang ramai akan dapat melihat bukti bahawa Islam adalah sesungguhnya agama yang benar.

Bahasa Melayu sebagai identiti mutlak bangsa Melayu, haruslah dituturkan oleh setiap individu Melayu pada setiap ketika. Jika bahasa tidak dituturkan, maka ia pasti akan mati. Manakala bangsa Melayu akan hanya hidup sekiranya bahasanya hidup.

Menurut takrif kita, orang-orang Melayu itu adalah orang-orang yang menuturkan bahasa Melayu.

Berhubung dengan psikologi orang-orang Melayu, Mahathir berkata bahawa orang-orang Melayu berhadapan dengan satu masalah peribadi. Masalah ini menyentuh sikap hati nurani mereka yang sebenar terhadap Tanah Melayu dan Malaysia, terhadap berkongsi tanah orang-orang Melayu dengan orang lain. Ia menyentuh harapan mereka sewaktu mencapai apa yang disebut kemerdekaan dan hancurnya sebahagian daripada harapan ini dalam menghadapi kenyataan. Orang-orang Melayu tidak menyuarakan perasaan ini kerana tidak mahu mengaibkan dan oleh itu mereka hanya memendapkan di hati sanubari mereka.

Kenapa orang Melayu memendapkan perasaan mereka, menurut Mahathir, haruslah difahami. Katanya watak orang Melayu ada keganjilannya. Ini adalah satu bahagian integral masalah itu dan menjadikannya besar dan kompleks. Orang Melayu kata Mahathir, adalah bersopan santun dan berbudi bahasa. Dunianya penuh dengan kehormatan dan dia tidak pernah jauh dari raja dan ketuanya. Dia beralih dan menghormati mereka. Berbuat demikian adalah beradab. Bukaninya dipandang rendah. Ia malah menunjukkan seseorang itu menerima asuhan baik. Memang suatu kelaziman pada seseorang Melayu itu melangkah ke

tepi dan membenarkan orang lalu. Bukan hanya ia melangkah ke tepi tetapi membongkok memberi hormat. Si Melayu yang diberi penghormatan ini menunjukkan pula asuhan baiknya dengan tidak mengambil semuanya jalan yang terbuka itu. Dia memberi jalan dan membongkokkan badannya sedikit. Masing-masing mengharapkan saling hormat-menghormati ini. Tetapi pengharapan ini berhenti sebaik sahaja pihak yang satu lagi itu bukan Melayu. Orang bukan Melayu dimaafkan. Dia tidak tahu (adat). Dia tidak boleh disalahkan. Orang-orang bukan Melayu itu selalu diistimewakan. Dia tak perlu menyesuaikan diri. Dia boleh mengujarkan atau membuat perkara-perkara yang dianggap kasar atau biadab oleh orang-orang Melayu. Dia juga boleh berkelakuan tidak senonoh di depan raja dan ketua-ketua dan tidak dipersalahkan. Kenyataan bahawa orang Melayu bersedia memaafkan dan mentolerate orang bukan Melayu pada setiap keadaan adalah suatu petanda asuhan baik tentang dirinya. Adalah dianggap buruk laku mengaibkan tetamu dan orang bukan Melayu itu sentiasa seorang tetamu kepada orang Melayu, seorang tetamu di negaranya.

Malangnya, menurut Mahathir, apa yang dianggap sopan santun kepada orang Melayu ini adalah disalahtanggap oleh orang-orang bukan Melayu. British menganggap Melayu itu lemah dan rendah, apabila mereka dipanggil *tuan* oleh orang-orang Melayu. Orang-orang Cina dan India tidak menganggap sopan santun itu penting dan tidak berniat menirunya, malah bagi mereka satu keuntungan kerana mereka dapat melakukan sesuatu yang orang Melayu tak boleh lakukan. Mereka merasa mereka mempunyai keistimewaan di Tanah Melayu.

Sopan santun dan tabiat mengundur diri orang-orang Melayu ini adalah satu aspek dari perwatakan Melayu, kata Mahathir. Penahanan perasaan yang berterusan yang dipak-

sakan oleh orang-orang Melayu ke atas diri mereka adalah tidak natural. Sentiasa berlaku satu rontaan batin, satu konflik, dan konflik ini mencari jalan keluar dengan beberapa cara. Akibat yang pertama dan yang paling penting ialah si Melayu itu lari ke dalam dirinya dan bangsanya. Dia tidak pernah berterus terang kecuali kepada orang-orang yang simpati mereka dia boleh bersandar secara mutlak. Dan dia hanya boleh bersandar kepada bangsanya sendiri. Oleh itu pendapat dan pandangan yang dinyatakannya kepada bukan sebangsanya adalah berlainan daripada pendapat dan pandangan yang dinyatakannya kepada bangsanya. Memanglah perbezaan hanya berlaku apabila apa yang terpaksa dinyatakannya kepada orang lain adalah tidak sedap didengar dan dirasa. Bila pendapatnya yang sebenar tidak menimbulkan rasa tak sedap atau kegusaran, dia tidak teragak-agak menyuarakannya kepada kaum bangsanya serta juga kepada kaum-kaum lain. Oleh yang demikian, adalah salah menerima orang Melayu pada permukaannya sahaja. Adalah jelas lebih baik sekiranya budi bahasanya dan kebencianya terhadap *unpleasantness* diterima dalam keadaannya yang sebenar. Konflik dalam dirinya adalah berbahaya. Ianya terus menerus mencari jalan untuk keluar.

Mengamuk, kata Mahathir, adalah sepatah perkataan Melayu. Ia adalah sepatah perkataan yang sekarang dihafmi sangat. Tidak ada sepatah perkataan lain yang dapat menerangkan mengamuk dengan tepat. Sebabnya nyata sekali—kerana mengamuk menerangkan satu lagi sudut lain perwatakan Melayu. Mengamuk mewakili pernyataan fizikal di luar dari konflik yang berlaku di dalam orang Melayu yang disebabkan oleh perhatiannya yang berterusan terhadap aturan dan peraturan ke atas dirinya. Ia adalah suatu limpahan rasa pahit getir dari dalam jiwa raganya. Ia

adalah letusan dari semua ikatan yang mengikatnya. Ia adalah pelarian lengkap dan terakhir dari sebab dan latihan. Segala ketegangan dan penegangan perasaan pada dirinya terangkat. Rasa tanggungjawab terlenyap. Tak satu pun yang penting. Dia bebas. Hubungan dengan yang lampau terputus, masa depan tak bererti lagi. Hanya saat ini yang penting. Jika digunakan ungkapan yang sudah basi, matanya gelap (*He sees red*). Dalam keadaan tak sedarkan diri dia menghentam tanpa perhitungan. Rasa kurang yakin dan kesukaan mengundurkan dirinya bertukar. Sekarang dia Mr. Hyde—ganas, tidak punya simpati, dan condong ke arah kehancuran. Tetapi peralihan dari orang Melayu yang berbudi bahasa yang mengundurkan diri kepada orang Melayu yang mengamuk adalah pada kelazimannya suatu proses yang perlahan. Ianya begitu perlahan sehingga ia mungkin tidak akan berlaku pun. Dia mungkin ke liang lahad sebelum keguncangan di dalam dirinya meletup.

Hari ini, kata Mahathir, mengamuk adalah hanya satu legenda. Peradaban telah menakluk dan melembutkan orang-orang Melayu. Dia masih menyimpan rasa kurang senangnya, tetapi dia berkeadaan lebih baik untuk mengawalnya. Dia orang yang lebih baik untuk itu. Tetapi mengamuk masih berupa sebahagian penting dari sifat tabiinya, satu bahagian asas dari perwatakannya.

Menurut Mahathir, masih ada beberapa aspek dari perwatakkan Melayu tetapi apa yang dihuraikannya mengenai binaan psikologi orang-orang Melayu ini sudah cukup untuk memperlihatkan bahawa masalah orang-orang Melayu adalah eksplosif. Dengan ini kita juga dapat mengetahui kenapa sepanjang sejarah, orang-orang Melayu berpuas hati melangkah makin jauh ke belakang.

Mahathir berkata masalah orang-orang Melayu mesti dihadapi dan dihadapi sekarang sebelum terlambat.

Dari sini jelas kepada kita bahawa Mahathir menganggap psikologi Melayu yang amat bersopan santun, berbudi bahasa mengundur diri, menahan perasaan ini sebagai sesuatu yang telah menimbulkan masalah. Mereka makin terdesak. Segala kepunyaan mereka terlepas dari pegangan.

Sesungguhnya masalah dikatakan oleh Mahathir ini benar, tetapi satu hal yang tidak boleh di tarafikan pula ialah hakikat bahawa bersopan santun dan berbudi bahasa itu adalah sesuatu yang harus dinilai tinggi kerana inilah ciri kebudayaan manusia yang beradab. Kebudayaan Melayu sering menegaskan perkara ini. Bersopan santun dan berbudi bahasa adalah sendi peradaban Melayu yang tidak boleh dijual beli<sup>1</sup>. Saya mempertahankan ini kerana pada hemat saya bangsa yang biadab adalah bangsa yang haiwaniah. Tingkah laku yang tidak berlandaskan nilai-nilai hidup yang baik, yang mementingkan tabiat hormat-menghor mati, tidak dapat menjamin keselamatan satu-satu bangsa. Scolah-olah apa yang saya katakan ini bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh Mahathir. Sebenarnya tidak. Nilai-nilai baik yang terjelma pada budi pekerti orang-orang Melayu tidak akan terjejas sekiranya pihak-pihak yang berwajib mengambil langkah-langkah positif untuk mencek golongan bukan Melayu yang berasa begitu bebas dan rakus dalam masyarakat kita. Mereka harus diajar adab dan tatasusila dan mengajar adab dan tatatertib ini ialah dengan cara yang kasar. Maka di sini dapat barangkali kita membezakan di antara budi bahasa dan tatatertib dengan kekasaran untuk orang menjadi berbudi bahasa dan bertataterrib. Bayangkan sahaja keadaan kita mengajar atau mendidik anak-anak kita di rumah. Kita kadang-kadang terpak-

<sup>1</sup> Barangkali kita masih ingat peristiwa dalam *Sejarah Melayu* bagaimana Tun Parapatih Hitam dibunuuh oleh Laksamana kerana biasab menguiskan tikar dengan kakinya di hadapan Bendahara.

sa mencubit, memukul atau merotan mereka supaya mereka menjadi bersopan santun dan berbudi bahasa. Demikian jugalah halnya dengan golongan yang biadab di dalam masyarakat.

Dengan kata-kata lain, bersikap kasar dengan tujuan untuk membetulkan sesuatu bukanlah "kurang ajar".

Ada pun pihak yang berwajib itu terdiri dari orang-orang Melayu dari semua lapangan pekerjaan terutamanya polis, tentera, pendidik dan kakitangan lain kerajaan. Mereka ini harus dibenarkan membela-sahsesia-pa sahaja yang tidak tertib dan tidak bersopan santun di mana-mana sahaja, baik di pejabat, baik di luar pejabat, baik yang berjalan, baik yang membawa kereta, baik penjual, baik pembeli, baik di sekolah, baik di dalam hutan. Mengembalikan rotan ke tangan guru, mengetuk motokar dengan belantan dan seumpamanya adalah wajar untuk menginsafkan orang kepada sopan santun dan tatasusila. Undang-undang sahaja sesungguhnya tidak sesuai untuk mewujudkan masyarakat yang bersopan santun. Kecuali kita bodoh, kita dapat melihat bagaimana penjenayah, penipu dan perompak dapat melepaskan diri dengan menggunakan proses undang-undang. Malah, bagi yang berpengalaman, mereka menggunakan pengetahuan undang-undang untuk melakukan jenayah, menipu dan merompak. Menyatakan bahawa masyarakat yang berperadaban tinggi itu adalah masyarakat yang seratus peratus berlandaskan undang-undang, tidak dapat diterima kerana terbukti di dalam masyarakat inilah pada hari ini terdapat dengan banyaknya kejadian jenayah dan keruntuhan moral. "Don't take the law into your own hand" tidak dapat membawa manusia ke mana-mana. Sebaliknya ia akan melemahkan kemanusiaan. "Tooth for a tooth" itu benar dan dalam banyak hal mesti dilaksanakan dengan serta merta.

Saya tidak menolak undang-undang dan pengadilan, tetapi terlalu berpegang kepada proses undang-undang akan mezalimi golongan bawahan yang lemah dan tidak berdaya. Kelemahan yang dimaksudkan adalah kelemahan yang diakibatkan oleh persekitaran yang diwujudkan. Di Tanah Melayu misalnya, British telah mewujudkan persekitaran baru yang membawa nilai-nilai yang amat berbeza dengan nilai-nilai hidup orang Melayu. Persekitaran baru dengan nilai-nilai baru ini ditegakkan dengan segala kuasa yang ada pada pihak berwajib. Akibatnya tersisihlah orang-orang Melayu. Kekuatan orang-orang Melayu bertukar menjadi kelemahan semata-mata kerana masyarakat mereka telah mengubah nilainya dan dengan itu mengubah gaya hidupnya.

Saya juga tidaklah pula menganjurkan *hukum hutan* se-ratus peratus, iaitu siapa yang kuat dialah yang menjadi raja. Tetapi sedikit-sedikit pada tempat-tempatnya *hukum hutan* ini perlu kerana sifat haiwaniah manusia itu masih ada pada jiwa setengah-setengah orang dan mereka hanya dapat dihadapi dengan *hukum hutan*. Seperti yang telah kita nyatakan tadi, orang-orang yang tidak berbudi bahasa dan bersopan santun itu adalah haiwaniah sifatnya.

Berhubung dengan *mengamuk*, pendapat Mahathir tentang sebab-sebab kenapa berlakunya memang benar dan dapat diterima. Mahathir malah telah dapat menyelami jiwa orang yang mengamuk itu. Ini mungkin kerana dia sendiri telah pernah mengamuk atau hendak mengamuk. Tetapi kesilapan Mahathir dalam hal ini adalah kerana dia membuat kenyataan yang terlalu menyeluruh dan menunjuk hanya kepada orang-orang Melayu. Sebenarnya kecenderungan mengamuk ini ada pada apa bangsa pun dan ia nya adalah sesuatu yang natural bagi manusia dan kemanusiaan. Dalam bahasa lain ada perkataan yang sama ertinya

dengan *mengamuk*, bukan tidak ada seperti kata Mahathir. Misalnya bahasa Inggeris mempunyai perkataan *berserk* yang didefinisikan sebagai “violently and destructively enraged; frenzied.” Dalam legenda Skandinavia, sebarang pahlawan Norse kuno yang gagah berani yang berjuang dengan cara mengamuk dalam perang digelar *berserker*. Dalam perang, kita dapat menyaksikan peristiwa-peristiwa apabila dengan tiba-tiba seseorang askar menembak kawannya.

Jika peristiwa 13 Mei 1969 dianggap sebagai orang-orang Melayu *mengamuk*, maka istilah bahasa asingnya adalah *riot*. Dalam bahasa Melayu istilah lain yang digunakan adalah *rusuhan*, tetapi satu perkara yang tidak dapat dinafikan ialah di dalam *riot* atau rusuhan, pembunuhan berlaku. Di mana-mana di dunia pun *rusuhan* banyak berlaku dan pembunuhan berlaku.

Dalam perkara ini, kita bersetuju dengan Mahathir hanya sekiranya dia berkata bahawa salah satu daripada sebab orang-orang Melayu mengamuk ialah kerana kedudukan mereka terancam di negara mereka sendiri. Kita juga bersetuju dengan orang-orang Melayu sekiranya mereka terus mengamuk jika pemimpin mereka gagal mengatasi masalah hidup mereka. Oleh yang demikian orang-orang Melayu secara keseluruhannya tidak bersalah. Yang bersalah adalah orang-orang Melayu yang berkeadaan untuk memimpin mereka selama ini yang menyebabkan mereka scrba salah; ditelan mati emak diluahkan mati ayah.

Keduanya akan diturunkan pula sikap Mahathir terhadap bahasa Melayu.

Bahasa Melayu, menurut Mahathir, adalah bahasa orang yang mula-mula menubuhkan kerajaan berkesan yang pertama di Tanah Melayu. Oleh yang demikian adalah berlojik

menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Mahathir memberi hujjah-hujjah yang kuat lagi konkret berhubung dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di negeri ini. Beliau jelas menarik perhatian kita ke situasi di Amerika, Latin Amerika, Australia di mana bahasa menjadi anak kunci kepada perpaduan kebangsaan. Di negara-negara ini, orang yang berhijrah ke situ, mahu tidak mahu, terpaksa menerima, menghormati dan menggunakan bahasa yang telah ditetapkan. Berhubung dengan Switzerland yang sering dijadikan contoh oleh penentang-penentang bahasa kebangsaan sebagai sebuah negara yang menggunakan empat bahasa sebagai bahasa rasminya, Mahathir di antara lain memberi hujjah bahawa orang Swiss adalah semuanya orang Eropah dan oleh yang demikian kebudayaan mereka adalah hampir sama. Agama mereka juga sama dan negeri mereka adalah *buffer state*. Dalam situasi ini, bahasa sebagai satu faktor dalam perpaduan kebangsaan tidak bererti lagi.

Bahasa Melayu juga, kata Mahathir, tidak bolch dikatakan bahasa yang datang dari Indonesia seperti halnya dengan bahasa Cina dan India yang berasal dari China dan India. Bahasa Melayu adalah bahasa Melaka dan seluruh Semenanjung Tanah Melayu serta bahagian tertentu Sumatra dan telah menjadi *lingua franca* di seluruh kepulauan Melayu, kata Mahathir. Indonesia kemudiannya menjadikan bahasa ini sebagai bahasa Indonesia setelah kesedaran politik timbul di kalangan mereka.

Berhubung dengan bahasa-bahasa Cina dan Tamil yang dituturkan oleh sebahagian daripada penduduk di Tanah Melayu, Mahathir mengingatkan bahawa pertambahan jumlah warganegara yang tidak menuturkan bahasa Melayu adalah dengan persetujuan orang-orang Melayu atas dasar

pemahaman bahawa kriteria kewarganegaraan bukan hanya harus dipatuhi tetapi juga dikekalkan. Persetujuan orang-orang Melayu memberi kerakyataan secara liberal kepada orang-orang bukan Melayu pasti tidak berlaku sekiranya telah terdapat rasa syak wasangka bahawa rakyat itu bertujuan mengubah kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi.

Mahathir memerhatikan bahawa orang-orang Melayu yang amat toleran telah tidak cuba menghapuskan bahasa-bahasa imigran itu seperti halnya di negara-negara jiran di Tenggara Asia. Malah orang-orang Melayu bukan hanya telah mengizinkan tetapi menggalakkan pertumbuhan bahasa-bahasa itu dengan memberi bantuan kepada sekolah rendah yang menggunakan bahasa-bahasa itu sebagai penghantarnya. Menurut Mahathir, dalam hubungan ini, orang-orang Melayu memperlihatkan kelemahan mereka. Permin-taan-permintaan orang-orang bukan Melayu dalam hal penggunaan bahasa mereka bertambah di mana-mana, di RTM dan di universiti. Perkara seperti ini tidak mungkin berlaku di negara-negara lain seperti Amerika dan Australia. Namun demikian, orang Melayu, dengan sikapnya yang lemah lembut dan bersopan santun, tidak menimbulkan tentangan. Pemimpin-pemimpin dapat menenangkan mereka, dan mereka berundur (tetapi Mahathir memberi sebab yang tidak bijak iaitu kerana percaya kepada qada' dan qadar.).

Dua hal yang penting yang tidak disentuh oleh Mahathir dalam kes bahasa ini ialah (a) sikap orang Melayu dan (b) ancaman dari bahasa Inggeris terhadap kedudukan bahasa Melayu.

Orang-orang Melayu mestilah sentiasa menuturkan bahasa Melayu. Sejarah perkembangan bahasa memperlihatkan bahawa bahasa-bahasa yang tidak dituturkan seperti bahasa

Sanskrit dan bahasa Latin adalah bahasa-bahasa mati, padahal kedua-dua bahasa ini adalah bahasa yang amat standard, lengkap dengan tatabahasanya yang begitu sempurna dihuraikan. Dalam hubungan ini perlu juga dinyatakan bahawa bahaya besar yang mengancam kedudukan bahasa Melayu pada hari ini adalah bahaya persaingan dari bahasa Inggeris. Seperti yang kita maklumi, bahasa Inggeris telah mendapat tempat dalam masyarakat kita semenjak zaman penjajahan dahulu dan ia adalah bahasa yang berprestij semata-mata kerana orang berkepercayaan ia adalah bahasa ilmu pengetahuan dan bahasa antarabangsa. Oleh yang demikian, sekiranya kita terus memupuk kedudukan bahasa Inggeris dengan mengajarkannya dengan meluas dan memeringkannya dengan menjadikannya salah satu syarat untuk kelulusan peperiksaan, atau syarat untuk mendapat kerja, atau syarat untuk memasuki institusi pengajian tinggi, maka ia akan terus dipelajari oleh semua orang dan akan terus digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Apatah lagi jika pengajarannya menggunakan kaedah yang mementingkan lisan. Akibatnya Tuhan sahajalah yang tahu. Perasaan rendah diri menuturkan bahasa Melayu itu akan kekal dan perasaan berbangga kerana tahu bahasa Inggeris akan berkembang. Perkara ini akan menjadi demikian kerana masyarakat terlalu amat terbuka kepada dunia Inggeris. Segala macam buku, terutamanya buku kanak-kanak, dalam bahasa Inggeris terdapat dijual. Segala macam filem dan program TV terdapat dalam bahasa Inggeris. Semuanya adalah propaganda hidup yang terdapat di persekitaran kita yang amat mempengaruhi pemikiran dan sikap masyarakat kita.

Persekitaran dari segi bahasa Inggeris haruslah diubah. Status yang dinikmatinya dalam masyarakat kita sekarang haruslah diturunkan ke peringkat yang perlu sahaja. Dengan lain-lain perkataan, ia harus diajarkan kepada sesiapa

yang memerlukannya sahaja, seperti tatkala hendak melanjutkan pelajaran ke luar-luar negeri. Ia tidak harus diajarkan seperti ianya diajarkan pada hari ini. Tenaga, waktu dan wang yang digunakan untuk mengajar bahasa Inggeris pada hari ini haruslah digunakan untuk mengajarkan bahasa-bahasa moden yang lain pada peringkat yang perlu juga. Bahasa-bahasa Arab, Jepun, Korea dan Perancis adalah bahasa-bahasa yang perlu kita ajarkan demi kemajuan kita. Bahasa-bahasa asing haruslah kita persaingkan dengan bahasa Inggeris pada setiap peringkat. Dengan berbuat demikian, kita akan membuka mata khalayak ramai bahawa bahasa Inggeris bukanlah satu-satunya bahasa untuk ilmu pengetahuan atau untuk perhubungan antarabangsa, dan dengan itu juga rasa bangga terhadap bahasa kita kerana orang masing-masing ada bahasa kebangsaannya, akan muncul dengan sendirinya.

Sesungguhnya kemasukan buku-buku, filem dan program-program TV dalam bahasa-bahasa lain juga harus dijalankan. Ini semua akan menyediakan persekitaran untuk pembelajaran bahasa-bahasa asing itu dan akan memecahkan monopoli bahasa Inggeris.

Gejala-gejala yang membahayakan bahasa kebangsaan, yang membawa kita kembali ke zaman penjajah, telah mula terbit dalam masyarakat kita akhir-akhir ini. Oleh kerana kita alpa, kita dapati di sana sini usaha-usaha untuk memberi tempat kepada bahasa Inggeris. Misalnya kita dapati bahasa Inggeris dijadikan syarat untuk mendapat kerja. Di TUDM kononnya bahasa Inggeris penting untuk bahagian teknikal. Padahal kita telahpun menubuahkan sebuah universiti teknologi yang menggunakan bahasa Melayu. Juga kita dapati usaha-usaha untuk menjadikan bahasa Inggeris sebagai syarat untuk memasuki universiti. Padahal ini sangat bertentangan dengan semangat dasar bahasa ke-

bangsaan. Kita juga mendapat tahu bahawa INTAN begitu bernaafsu untuk meluaskan kampusnya dan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa penghantar. Padahal kita sedia mempunyai universiti yang memberikan kursus-kursus pentadbiran awam dalam bahasa Melayu.

Selain daripada itu kita juga pernah mendengar kursus-kursus diadakan oleh jabatan-jabatan kerajaan dalam bahasa Inggeris. Kita juga mendapat tahu bahawa pihak-pihak tertentu menemuduga dalam bahasa Inggeris. Ini sesungguhnya adalah pengkhianatan.

Semua usaha ini sepatutnya tidak timbul lagi kerana ini-lah yang telah kita hapuskan kerana hendak menegakkan dan mendaulatkan bahasa kebangsaan sewaktu kita mengadakan minggu, bulan dan tahun bahasa kebangsaan sebelum tahun 1967 dahulu. Kita tidak harus lalai dalam usaha kita menegakkan dan mendaulatkan bahasa kebangsaan.

Akhirnya, yang paling penting ialah sikap pihak swasta yang tidak mengindahkan langsung penggunaan bahasa kebangsaan. Segala urusan perniagaan dan pentadbiran mereka, mereka jalankan dalam bahasa Inggeris. Mereka tidak meneruskan usaha sewaktu kempen-kempen bahasa kebangsaan dahulu.

Papan-papan tanda, iklan-iklan masih tidak menggunakan bahasa kebangsaan dengan memuaskan. Jika kita masuk ke supermarket kita akan dapati penggunaan bahasa kebangsaan hanya pada papan tanda *tandas* sahaja.

Pihak swasta harus sedar bahawa mereka berada di negara Malaysia dan oleh itu sudah sewajarnya mereka harus menghormati bahasa kebangsaan negara ini. Jika kita pergi ke negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand, kita dapati semua pihak menggunakan bahasa kebangsaan negara-negara itu.

Mahathir, dalam hubungan bahasa Melayu ini, kita harap akan dapat menghapuskan penyelewengan-penyelewengan dan menundukkan golongan swasta.

Ketiganya akan ditinjau pula pendirian Mahathir terhadap Islam.

Menurut Mahathir, Islam mestilah dipertahankan, malah diperkembangkan sekiranya kejayaan hendak dijamin dalam memajukan orang-orang Melayu. Katanya lagi, tidak ada perubahan, tidak ada rancangan dan tidak ada ideologi yang bercanggah dengan agama orang-orang Melayu boleh mencapai kemajuan.

Walaubagaimanapun dari bukunya kelihatan bahawa Mahathir seolah-olah tidak menghayati pandangan hidup Islam yang sebenarnya. Sokongannya terhadap Islam adalah kerana mengetahui bahawa orang-orang Melayu itu patuh kepada agama. Malah, di sana sini, Mahathir mengukur Melayu dari sudut falsafah Barat.

Sebagai contoh Mahathir berkata '...awa falsafah *epicurean* tidak terdapat pada bangsa Melayu. Juga Mahathir berkata bahawa orang-orang Melayu tidaklah pula begitu *stoics*. Ada kalanya orang-orang Melayu mengikut tiupan angin, katanya.

Sekiranya Mahathir memahami betul-betul Islam dan cuba membetulkan orang-orang Melayu atas landasan Islam, bukunya akan menjadi buku konkrit. Cara Mahathir mengkritik sikap orang-orang Melayu dengan mengaitkannya dengan prinsip-prinsip dalam Islam kadang-kadang memberikan gambaran bahawa prinsip-prinsip tertentu dalam Islam itu seolah-olah salah dan tidak harus dipatuhi. Mahathir terlupa bahawa kepada orang Islam, agama Islam itu adalah senantiasa sempurna dan kalaupun terdapat kekurangan, ia adalah akibat dari salah tafsiran.

Mahathir seolah-olah menyalahkan orang-orang Melayu kerana berpegang kepada *qada'* dan *qadar*. Ini menurutnya adalah sifat fatalis orang-orang Melayu terhadap hidup. Dengan sifat fatalis ini orang-orang Melayu, kata Mahathir, menerima apa sahaja, sama ada baik maupun tidak baik tanpa protes melainkan hanya menyerah. Sifat ini tidak menggalakkan usaha untuk perubahan. Ia juga tidak menggalakkan ketabahan, keliatan dan semangat untuk menentang, katanya. Kalaupun percubaan dibuat untuk melaksanakan sesuatu, kegagalan diterima dengan penyerahan. Fatalafah yang demikian ini, kata Mahathir, terkandung dalam perumpamaan Melayu yang berbunyi 'Rezeki secupak tak akan jadi segantang'.

Sebenarnya pandangan Mahathir yang begini amatlah bertentangan dengan pandangan hidup Islam. Islam jelas menyuruh umatnya bertakwa kepada Allah dan mencari keredaan Allah. Setelah mencuba seseorang itu haruslah bersyukur kepada Allah jika berjaya dan menyerah kepada Allah sekiranya ia gagal. Sungguhpun ia harus mencuba lagi, tetapi sekiranya dia gagal juga dalam percubaannya kali yang kedua, ketiga dan keempat, dia haruslah berserah kepada Allah. Hakikatnya adalah memang ada manusia yang tidak mencapai kejayaan dalam melaksanakan sesuatu walaupun telah dicubanya berkali-kali. 'Rezeki secupak tak akan menjadi segantang' haruslah ditafsirkan sebagai kata-kata yang diujarkan oleh orang-orang Melayu setelah mereka mencuba, mencuba dan mencuba. Dalam kebudayaan Melayu atau dalam agama Islam, sepanjang yang kita ketahui, tidak ada sekat untuk seseorang itu terus mencuba dan berusaha mencapai sesuatu asalkan ianya tidak melanggar prinsip-prinsip Islam.

Mahathir juga beranggapan bahawa orang-orang Melayu mengamalkan Islam untuk kepentingan rohaniah sahaja.

Mereka ingin menjadi orang yang baik, bersifat wali Allah dan tidak berdosa supaya selamat di akhirat. Kata Mahathir orang-orang Melayu di kampung yang lebih konservatif langsung menganggap hidup di dunia ini sebagai persediaan untuk akhirat semata-mata. Menurutnya ini adalah *escapisme* (lari dari kenyataan), manakala orang-orang Melayu harus terus berjuang untuk kebahagiaan hidup di dunia.

Perkara yang tak boleh dinafikan oleh Mahathir ialah hakikat bahawa tafsiran orang-orang Melayu mengenai Islam adalah betul semuanya. Islam memang menyediakan latihan rohaniah, Islam memang menggalakkan orang menjadi baik, bebas dari dosa. Islam memang menyuruh umatnya bersedia untuk akhirat.

Apa yang patut dilakukan oleh Mahathir ialah mengambil suatu sikap yang positif terhadap pelaksanaan Islam. Tanpa mengkritik orang-orang Melayu seperti yang dilakukannya yang boleh menggambarkan scolah-seolah ia menentang prinsip-prinsip Islam, adalah lebih baik dia mengajurkan sahaja apa yang patut dilakukan oleh orang-orang Melayu atas landasan Islam yang benar. Dengan berbuat demikian tidaklah akan dianggap bertentangan dengan Islam. Soal *qada'* dan *qadar* misalnya adalah suatu perkara besar lagi pokok. Mahathir harus memahaminya dengan lebih mendalam perkara ini, bukan hanya melalui pembacaan tetapi lebih-lebih lagi melalui pengalaman batin. Ini dapat dilaksanakan melalui zikirullah. Sebagai seorang pemimpin Mahathir harus membersihkan lagi jiwynya supaya kecaman-kecaman yang telah dibuat itu tidak lagi dibuatnya. Adalah diharapkan semoga Mahathir akan berkeadaan menambah aspek Islam kepada kenyataannya yang berikut mengenai imigran untuk diterima oleh orang-orang Melayu:

'Untuk dianggap sebagai sama dengan orang-orang penting (definitive people) seseorang itu mestilah menerima sejarah mereka, geografi alam mereka, kesusasteraan mereka, bahasa mereka dan kebudayaan mereka, dan menolak segala-gala yang lain.'<sup>1</sup>

Meninggalkan aspek agama dari pendapat yang demikian, jelas memperlihatkan sikap sekularisme yang menebal dan kurang keyakinan terhadap hidup beragama. Mahathir masih belum menghayati jiwa Islam yang sebenar yang menyebabkan ia mahu berkongsi menghayatinya bersama-sama dengan orang lain.

Walaubagaimanapun, biar apapun yang telah dikatakan oleh Mahathir terhadap Islam dan biar apa pun intrepretasi kita terhadap sikap dan pandangan hidupnya, hakikatnya pada hari ini ialah Mahathir telah berubah. Mahathir telah berkata bahawa dia akan mencuba melaksanakan cara-cara Islam dalam kehidupan masyarakat di negara ini. Juga setelah dia menjadi Perdana Menteri baharu kita buat pertama kalinya mendengar UMNO menganggap dirinya sebagai sebuah parti Islam dan berbangga pula menyatakan parti Islam yang ketiga besarnya di dunia.

Dari segi peribadi, kita juga dapat melihat perubahan-perubahan pada diri Mahathir. Kehadirannya untuk bersembahyang di mesjid-mesjid dan kesukaannya membaca al-Quran adalah perkara biasa sekarang ini. Malah jiwa tasauf juga telah mula terjelma dari dirinya. Misalnya kesanggupannya memotong gajinya sendiri adalah sifat zuhud yang tidak mau berlebihan. Padahal, sebagai seorang Perdana Menteri di negara kita ini, dia layak dibayar gaji sebanyak \$100,000 sebulan.

Kita tidak harus menaruh sangsi terhadapnya. Selagi dia

<sup>1</sup> *Ibid.*, m.s. 143.

tidak menyeleweng dari jalan Islam sokongan kita yang sejati hendaklah kita berikan kepadanya. Kita berdoa moga-moga dia akan terus mendapat hidayat dari Allah subhanahuwata'ala.

Keempatnya akan ditinjau pula sikap Mahathir terhadap adat dan kebudayaan Melayu.

Mahathir menerima kebudayaan,<sup>1</sup> tetapi amat kritis terhadap aspek-aspek tertentu kebudayaan Melayu seperti misalnya adat. Namun demikian Mahathir memerhatikan bahawa adat tidak lagi begitu mencengkam nilai orang-orang Melayu dan dia tidak menganjurkan satu revolusi terhadap adat, memadai dengan memberikan perhatian sahaja, katanya. Kepercayaan seperti 'biar mati anak asalkan jangan mati adat' itu sudah tidak berlaku lagi di kalangan orang-orang Melayu, menurut Mahathir.

Aspek-aspek tertentu yang lain dalam kebudayaan Melayu yang diberikan oleh Mahathir termasuklah sikap dan nilai orang-orang Melayu terhadap waktu, kematian, harta, wang, cara bekerja, cara bermesyuarat dan psikologi individu Melayu.

Menurut Mahathir, orang Melayu tidak tahu menilai waktu. Ini bertentangan dengan sifat orang-orang Melayu yang menghargai hidup atau nyawa. Hidup dan waktu, kata Mahathir, adalah berkaitan. Jika orang-orang Melayu betul-betul menghargai hidup, ia haruslah menghargai waktu. Sebaliknya apa yang terdapat ialah orang-orang Melayu membuang masa, duduk-duduk tanpa berbuat apa-apa, minum-minum kopi dan berbual-bual kosong. Menghadiri kenduri boleh pada bila-bila masa sahaja. Mesyuarat tidak pernah berlangsung tepat pada waktunya tetapi sesudah

<sup>1</sup> *Ibid.*, m.s. 143.

bermula, selesainya tak dapat ditentukan masanya. Menurut Mahathir sikap tidak mengindahkan waktu ini tidak memungkinkan perancangan dan oleh yang demikian kerja tak dapat diharapkan. Padahal jadual waktu, katanya, sangat penting dalam kehidupan yang berlandaskan kemajuan sains dan teknologi. Kelalaian orang Melayu dari segi waktu, katanya, adalah suatu *handicap* paling penting untuk mereka mencapai kemajuan.

Berhubung dengan kematian, Mahathir berkata orang-orang Melayu seolah-olah menganggapnya sebagai suatu kelegaan kepada kaum keluarga. Sungguhpun orang-orang Melayu itu takut kepada mati tetapi apabila sampai waktunya, mereka menerimanya dengan tenang. Sewaktu sakit sudah agak berat, kaum keluarga tidak begitu berusaha untuk mendapatkan bantuan perubatan. Masing-masing tidak mahu mengambil tanggungjawab untuk membuat keputusan takut nanti dituduh menyebabkan kematian itu. Kaum keluarga yang datang menziarah akan minum-minum kopi dan apabila hampir sudah putus nyawa ayat-ayat Quran akan dibacakan. Menurut Mahathir, ini semua menggambarkan sifat orang-orang Melayu yang amat fatalis. Suatu hal yang menarik ialah perbedaan yang dibuat oleh Mahathir di antara mati biasa dengan mati syahid. Di samping itu dia juga berkata orang-orang Melayu mengamuk itu ada hubungannya dengan soal mati.

Harta bagi orang Melayu adalah pada umumnya bererti tanah, kata Mahathir. Harta ini boleh jadi diperoleh ataupun diwarisi. Cara memperoleh tanah, katanya, adalah tradisional. Pada zaman kesultanan Melayu lama, katanya, seorang Melayu itu boleh memperoleh tanah sekiranya dia dapat membuktikan dia telah tinggal di situ, menerangkan semak samunnya, dan kemudian bercucuk tanam. Proses memperoleh tanah, oleh itu, mudah sekali, iaitu tidak me-

merlukan usaha dan kepintaran. Di samping itu, katanya, terdapat sikap mempunyai hak untuk berharta pada orang Melayu. Perasaan yang begini, katanya, menggalakkan rasa berpuas hati dan mengurangkan usaha untuk memperkaya-kan diri. Harta orang-orang Melayu ini kemudiannya dipe-cah-pecahkan menurut hukum Islam. Katanya orang-orang Melayu sangat terikat kepada tanah dan tanah menjadi lambang kedudukan, walaupun bidangnya kecil sekali. Pembelian tanah secara langsung kurang. Tanah yang tidak diperoleh secara mewarisi selalunya diperoleh melalui jual-janji yang bukan hanya tidak beretika tetapi juga di luar Islam, katanya. Orang-orang Melayu sering mempertikai-kan hak ke atas tanah sehingga melibatkan banyak wang untuk belanja guaman, tetapi pihak-pihak yang terlibat berpuas dengan berbuat demikian. Menurut Mahathir, di samping tanah, barang kemas dan wang ringgit juga berupa harta tetapi tidaklah begitu kekal.

Wang kepada orang-orang Melayu hanyalah suatu kemu-dahan, kata Mahathir. Orang-orang Melayu tidak tahu ten-tang kemungkinan wang dan oleh sebab itulah mereka menjadi peniaga-peniaga yang miskin, katanya. Penanaman padi tidak memerlukan banyak wang dan ini menyebabkan mereka tidak tahu 'costing' dan tidak tahu membuat per-untukan. Demikian juga halnya dengan orang-orang Mela-yu di bandar-bandar. Mereka menerima gaji tetapi gaji itu dibelanjakan dan simpanan amat sedikit. Sistem sewa beli menyebabkan mereka membelanjakan wang mereka se-lum diperoleh. Hanya sejumlah kecil orang-orang Melayu yang terlibat dalam perniagaan yang tahu tentang kemungkinan wang, kata Mahathir. Namun demikian, katanya, ter-dapat konflik pada orang-orang Melayu dalam hal transaksi wang kerana Islam melarang riba. Interpretasi tentang per-kara ini berbagai-bagai dan orang -orang Melayu katanya,

sanggup membayar riba tetapi tidak sanggup menerima riba walaupun kecil. Yang menyulitkan, katanya, di negara ini terdapat golongan yang bukan Islam yang boleh makan riba. Menurut Mahathir nilai orang-orang Melayu terhadap wang dan harta adalah masih primitif. Masalahnya, kata Mahathir, bukannya dia berkata mengasingkan diri dari dunia kebendaan itu tidak baik, tetapi kenyataannya dunia kebendaan telah bertembung dengan kita dan merosakkan susunan yang sedia ada. Orang-orang Melayu tidak terpisah dari dunia kebendaan ini walaupun mereka tinggal di ceruk-ceruk rantau. (Tidak seperti di Burma)<sup>1</sup>, orang-orang Melayu terdedah dan oleh sebab sistem-sistem nilai mereka mengenai wang dan harta agak primitif, mereka terdesak di sebuah negara yang pelbagai ras, kata Mahathir.

Menurut Mahathir, sikap orang-orang Melayu terhadap cara bekerja pada umumnya adalah *bergotong-royong*. Ini diperlihatkannya melalui proses penanaman padi.

Tentang (sikap orang-orang Melayu terhadap) hidup bermasyarakat pula, Mahathir berkata bahawa mereka adalah bersifat feudal. Pangkat penting, katanya. Bersama dengan pangkat ialah keistimewaan. Pangkat yang tertinggi dipegang oleh raja yang memerintah. Orang-orang Melayu sangat taat setia kepada rajanya walaupun ada di antara mereka yang telah keluar negeri dan terdedah kepada nilai-nilai barat. Tingkah laku dan tuturkata mereka terkawal apabila berkонтак dengannya. Pendeknya tingkah laku dan tuturkata itu berupa tanda asuhan yang baik. Keinginan untuk bersopan santun dan bertingkah laku baik kepada orang-orang yang berpangkat telah diperluaskan kepada syed-syed dan berbagai lagi pada zaman moden ini, kata-nya. Menurut Mahathir, kecenderungan orang-orang Mela-

<sup>1</sup> Ini bandingan saya sendiri.

yu menjadi feudal ini tidak merosakkan. Katanya ia memungkinkan masyarakat yang teratur dan mematuhi undang-undang. Manusia yang dapat mematuhi apa yang tersirat dapat dengan mudah diasuh mematuhi undang-undang tertulis, katanya. Orang yang menerima bahawa sesebuah masyarakat itu mesti mempunyai orang-orang yang mempunyai kuasa dan hak yang berbeda-beda darjahnya, memungkinkan wujudnya sebuah masyarakat dan negara yang stabil. Revolusi tak mungkin berlaku dalam masyarakat yang demikian, kecuali dimulakan dari atas, katanya. Oleh yang demikian, katanya, sesebuah masyarakat feudal tidak semestinya beku-kaku atau mundur. Ia boleh menjadi sebuah masyarakat yang dinamis jika terdapat dinamisma di atas, katanya.

Berhubung dengan psikologi individu Melayu, tentang keinginannya untuk bersikap formal dan terlalu bersopan santun, Mahathir memerhatikan bahawa ini menyebabkan kurangnya terdapat sikap berterus-terang. Katanya tidak mungkin seseorang itu begitu bersopan santun dan berbudi bahasa tanpa menafikan dirinya dan juga merendah diri. Kelakuan baik bagi orang-orang Melayu, katanya, menghendaki kurang mengkritik atau kalaupun hendak mengkritik, mestilah secara tidak langsung. Oleh yang demikian juga, katanya, orang-orang Melayu sering disalahtanggap. Apabila mereka menghormati orang dengan memanggilnya 'tuan', orang menganggap dia betul-betul bertuan dan akibatnya sedikit sebanyak, Melayu menjadi seperti mereka sekarang ini. Menahan diri dan keinginan untuk menjaga hati orang, katanya, tidak memungkinkan wujud sebuah masyarakat yang agresif. Dunia menjadi lebih kasar. Berterus-terang adalah resam hari ini, katanya. Hakikatnya, berterus-terang bukan sebahagian dari koda sosial masyarakat Melayu, katanya. Mahathir lalu menganjurkan supa-

ya orang-orang Melayu meniru atau menerima sistem nilai masyarakat Barat yang berterus-terang dan kasar demi memungkinkan orang-orang Melayu bertanding dengan bangsa lain.

Pandangan dan pendapat Mahathir yang kritis terhadap kebudayaan Melayu yang telah dihuraikan di atas adalah agak umum. Sebahagian besar daripadanya boleh diterima tetapi ada baiknya jika di samping mengkritik dia juga memperlihatkan aspek-aspek positif berhubung dengan tiap perkara yang dikritiknya itu. Sebagai contoh, ambil sahaja perkara waktu. Aspek positif dari perkara waktu dalam masyarakat atau kebudayaan Melayu adalah sembahyang lima kali sehari pada waktu-waktu yang telah ditetapkan dari pagi hingga ke malam. Aspek ini tidak disentuh oleh Mahathir dari segi menggalakkan mereka bersembahyang. Padahal Mahathir boleh menunjukkan melalui tulisannya bahawa waktu-waktu sembahyang itu adalah noktah-noktah dalam kehidupan sehari-harian orang-orang Melayu. Bagaimana pentingnya noktah untuk memahami karangan, begitu jugalah pentingnya sembahyang untuk memahami hidup.

Mahathir juga, di sepanjang kritikannya, memperlihatkan bahawa dia ingin membawa orang-orang Melayu setanding dengan orang-orang Barat yang dianggapnya sudah maju, yang afloen. Di pangkal otaknya sudah tertanam gambaran masyarakat barat yang progresif yang dituju. Dia sedikitpun tidak mencuba menggambarkan dan seterusnya melaksanakan cara hidup Melayu yang tersendiri biarpun simple atau mudah. Dia sebenarnya menyerah kalah kepada cara hidup barat.

Sesungguhnya anjuran Mahathir supaya orang-orang Melayu menerima nilai-nilai Barat itu, tidak dapat diterima secara langsung. Ajaran ini tidak harus datang dari seorang

yang ingin memimpin bangsanya kepada kesejahteraan hidup. Walau apapun logik yang diberi, Barat tetap berupa sesuatu penjelmaan dari falsafat Barat dan falsafat Barat tidak sama dengan al-Islam.

Namun demikian, biar apapun yang telah dikatakan oleh Mahathir, hakikatnya, seperti yang telah dinyatakan, dia pada hari ini sudah berubah. Tindakannya dalam hubungan kebudayaan ini adalah lebih positif. Dia telah menggalakkan orang bekerja keras dan mengubah waktu negara seolah-olah membangunkan orang dari tidur supaya tidak berasa malas. Dia berjanji akan melaksanakan cara hidup Islam dan kehidupannya sendiri kelihatan lebih berimbang-an dengan akhirat.

Kelimanya kita tinjau pula sikap atau pandangan Mahathir terhadap hak dan persamaan.

Mahathir sangat tegas menyatakan bahawa yang berhak ke atas negara ini adalah orang-orang Melayu. Katanya, 'Saya pertahankan bahawa orang-orang Melayu adalah peribumi Tanah Melayu dan orang-orang Melayu sahajalah yang boleh mendakwa Tanah Melayu adalah satu-satunya negeri mereka.' Mahathir menerangkan bahawa menurut amalan mana-mana di dunia, ini memberikan hak-hak mutlak yang tertentu kepada orang-orang Melayu ke atas bentuk dan obligasi kewarganegaraan yang boleh dikenakan kepada warganegara-warganegara yang bukan peribumi. Hak-hak Melayu yang dimaksudkan ini pun terhad, katanya. Tujuan hak-hak ini dan pelaksanaannya bukan untuk mengekalkan keistimewaan-keistimewaan ras yang definitif, yang asal (atau peribumi) dari dicerobohi oleh ras-ras imigran yang baru, tetapi hanya untuk memastikan penerusan sifat ras yang definitif itu. Oleh yang demikian, asal etnik tidak penting dan tidak menolak pendatang-penda-

tang baru itu. Penetapan syarat-syarat kewarganegaraan ini bererti bahawa pendatang-pendatang yang sanggup mematuhi sifat-sifat warganegara yang didefinisikan akan pada hakikatnya menjadi warganegara-warganegara definitif dan kepada warganegara-warganegara yang bukan peribumi. Hak-hak Melayu yang dimaksudkan ini pun terhad, katanya. Tujuan hak-hak ini dan pelaksanaannya bukan untuk mengekalkan keistimewaan-keistimewaan ras yang definitif, yang asal (atau peribumi) dari dicerobohi oleh ras-ras imigran yang baru, tetapi hanya untuk memastikan penetrusan sifat ras yang definitif itu. Oleh yang demikian, asal etnik tidak penting dan tidak menolak pendatang-pendatang baru itu. Penetapan syarat-syarat kewarganegaraan ini bererti bahawa pendatang-pendatang yang sanggup mematuhi sifat-sifat warganegara yang didefinisikan akan pada hakikatnya menjadi warganegara-warganegara definitif dan akan mendapat hak-hak dan keistimewaan-keistimewaan yang sama. Tetapi hak dan keistimewaan ini tidak termasuk mengubah sifat-sifat ras definitif itu, katanya. Penerusan terhadap sifat-sifat definitif dan tidak asal etnik ini, adalah suatu prinsip penting dan penetapannya juga kelihatan dalam terhadnya hak-hak warganegara baru untuk mengubah sifat-sifat ini.

Di samping menentukan imigresyen dan kewarganegaraan, hak-hak orang Melayu adalah juga dari segi menentukan bahasa, pendidikan, kebudayaan dan agamanya, katanya. Kebudayaan bangsa definitif diteruskan melalui pengawalan terhadap bahasa, imigresyen, kewarganegaraan dan pendidikan.

Berhubung dengan persamaan antara ras, Mahathir berpendapat bahawa ia adalah syarat bagi keharmonian antara ras dan perpaduan kebangsaan. Persamaan, katanya, bererti keuntungan bagi yang tidak berada dan kerugian bagi yang

berada dan sudah tentulah proses untuk mencapai persamaan ini akan menimbulkan ketegangan pada hubungan yang sebelumnya "harmoni". Sekali persamaan diperolehi masyarakat akan kurang tersubjek kepada tekanan dan ketegangan dan keharmonian lebih mungkin terhasil. Mungkin akan masih terdapat juga konflik tetapi sekurang-kurangnya satu sebab yang diketahui mengenainya telah terhapus.

Malangnya, kata Mahathir, tiap kaum mempunyai intrepetasinya sendiri mengenai persamaan ini. Dia mengambil contoh pemberian biasiswa yang menurut intrepetasi setengah kaum, persamaan itu harus bermaksud persamaan untuk bersaing tanpa mengira kaum. Kalau inilah yang dimaksudkan dengan persamaan, kata Mahathir, di Malaysia tidak akan ada persamaan ras tetapi sebaliknya akan memburukkan lagi jurang ras.

Menurut Mahathir persamaan ras mengimplikasikan nilai-nilai tertentu, dan nilai berbeda menurut standard-standard yang diterima oleh satu-satu kaum tertentu. Untuk memahami maksud persamaan ras, penting diketahui nilai-nilai apa yang sedang dibandingkan. Juga menguntungkan jika dibandingkan nilai-nilai dengan nilai-nilai negeri lain.

Di Amerika Syarikat, kata Mahathir, semua warganegara, tanpa mengira warna kulit, ras atau agama adalah sama di sisi undang-undang. Kalau pun terdapat perselisihan kaum di Amerika, itu bukanlah disebabkan oleh undang-undang yang mendiskriminasi, tetapi disebabkan diskriminasi sedar, secara sosial dan ekonomi, terhadap negro, misalnya. Maka kata Mahathir, sesungguhnya, untuk memperoleh persamaan ras, persamaan dari segi undang-undang sahaja tidak cukup. Untuk betul-betul sama, bererti mendapat bahagian dalam segala perkara, benda-benda baik da-

lam hidup serta juga tanggungjawab-tanggungjawab. Niat untuk kebaikan bersama ini janganlah hanya dari kerajaan, tetapi juga dari masyarakat seluruhnya.

Kemudian Mahathir telah menarik perhatian kepada orang Red Indian di Amerika. Di sisi undang-undang Amerika, Red Indian mempunyai keistimewaan-keistimewaan. Mereka misalnya mempunyai tanah yang dinafikan kepada orang lain dan dibebaskan dari cukai-cukai tertentu. Namun demikian, kata Mahathir, mereka jauh dari keadaan 'super-race', tetapi sebaliknya 'pariah' di Amerika.

Menurut Mahathir orang Melayu di Malaysia adalah dalam kategori yang sama dengan orang-orang Red Indian di Amerika. Mahathir menarik perhatian kepada undang-undang Tanah Reserve Melayu. Katanya sungguhpun undang-undang ada, golongan pendatang dibolehkan membeli tanah yang akhirnya mengakibatkan orang-orang Melayu ketiadaan tanah sungguhpun negeri mereka dinamakan Tanah Melayu. Oleh yang demikian, kata Mahathir, undang-undang Tanah reserve Melayu tidak boleh dikata sebagai memburukkan lagi ketaksamaan ras.

Mahathir kemudian menarik perhatian kepada ketaksamaan dari scgi "undang-undang" berhubung dengan biasiswa dan jawatan Perkhidmatan Awam Malaysia (MCS). Ketaksamaan pada pokoknya berkaitan dengan pendidikan kata Mahathir, orang-orang Melayu disebabkan oleh kemiskinan yang dahsyat dan latarbelakang luar bandar mereka, adalah jauh ketinggalan dalam bidang pendidikan. Jika tidak ada peruntukan khas bagi mereka, mereka tidak akan mendapat kerja kecuali yang terendah di negara ini, katanya. Pemberian biasiswa adalah suatu manifestasi dari ketaksamaan ras. Tujuannya ialah untuk memecahkan kedudukan superior orang-orang bukan Melayu dalam bidang pendidikan. Orang-orang Melayu tidak berbangga dengan

"kecistimewaan" ini, tetapi mereka terpaksa mengenepikan "pride" untuk menghadapi kenyataan hidup.

Di samping undang-undang Tanah Reserve Melayu, dan sistem kota biasiswa dan Perkhidmatan Awam, terdapat undang-undang-lain yang scolah-olah mendiskriminasi untuk kepentingan Melayu. Semuanya itu, kata Mahathir, adalah sebenarnya bertujuan untuk mewujudkan persamaan ras.

Persamaan ras boleh dikatakan wujud hanya apabila tiap satu ras berdiri sama tinggi di sisi undang-undang, tetapi juga apabila tiap satu ras diwakili dalam setiap strata masyarakat, dalam setiap bidang pekerjaan, menurut nisbah jumlah penduduk tiap-tiap satu ras.

Mahathir seterusnya menggambarkan secara umum kependudukan di Malaysia iaitu orang-orang bukan Melayu tinggal di bandar-bandar dan orang-orang Melayu di luar-luar bandar. Ini adalah satu bukti ketaksamaan ras, kata Mahathir. Persamaan menurut Mahathir, ialah boleh dimanifestasikan jika di bandar ada orang-orang Melayu.

Untuk mencapai persamaan, mestilah ada peluang yang sama. Malangnya terdapat diskriminasi terhadap orang Melayu dan diskriminasi itu bukan berdasarkan undang-undang tetapi atas perwatakan dan kelakuan kumpulan-kumpulan ras yang besar di Malaysia. Orang-orang Melayu cenderung kepada agama, toleran dan bersahaja. Orang-orang bukan Melayu, terutamanya Cina adalah kebendaan, agresif dan bermafsu untuk bekerja. Untuk tercapainya persamaan perlulah ras-ras yang berbeda ini menyesuaikan diri di antara satu sama lain. Undang-undang tidak dapat melakukannya ini. Hanya persefahaman, muhibah dan masa yang boleh. Dan persamaan dan muhibah akan hanya tercapai pada waktunya jika semua pihak yang berkenaan memahami maksud persamaan ras, kata Mahathir.

Dalam perkara memperkatakan hak orang-orang Melayu, Mahathir tidak syak lagi memahami hasrat orang-orang Melayu. Kenyataannya tentang hak-hak Melayu jelas dan pendiriannya tegas. Kita cuma berharap supaya pendiriannya tidak dinodai. Misalnya dalam kes bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal, kita harap dia tidak pula mengizinkan perkembangan bahasa Inggeris sehingga mengancam kedudukan bahasa Melayu. Kadang-kadang logik "pembangunan" melupakan kita kepada cita-cita kita dan dengan itu semangat kita terkikis sedikit demi sedikit sehingga berlaku apa yang dikatakan oleh Mahathir sendiri, "...bahawa biar apa pun yang mereka (orang-orang Melayu) hendak lakukan, perkara, benda dan keadaan akan terus terlucut dari kawalan mereka, bahawa secara beransur-ansur tetapi dengan kepastian mereka menjadi Pak Kaduk di bumi mereka sendiri."

Demikian jugalah hak-hak orang Melayu ke atas perkara-perkara lain yang telah dinyatakan dan dihujahahkan oleh Mahathir dengan jelas satu persatu—imigresyen, kewarganegaraan, pendidikan, agama dan kebudayaan. Adalah diharapkan juga semoga Mahathir akan sentiasa mengambil ingatan bahawa orang Melayu juga mempunyai hak yang mutlak terhadap ekonomi negara ini dan bukannya semata-mata dimonopoli oleh kaum lain bukan Melayu.

Berhubung dengan persamaan ras, hujjah Mahathir amatlah luar biasa dan harus dipertahankan oleh seluruh rakyat Malaysia yang cintakan perdamaian. Memahami konsep persamaan ras yang dikemukakan oleh Mahathir ini amatlah penting kerana itu sebenarnya adalah satu daripada jalan keselamatan bagi kita semua. Jika kita gagal memahami konsep ini, kita akan gagal dalam usaha kita membina sebuah negara yang aman damai dan berharmoni.

Keenamnya kita tinjau pandangan Mahathir terhadap ekonomi orang-orang Melayu.

Dalam membicarakan ekonomi orang-orang Melayu, Mahathir menyingkap sejarah silam di negara kita. Kata-nya dalam sejarah kesultanan Kedah, Kelantan dan Melaka terdapat satu ketika bila pekedai-pekedai Cina yang sekarang sinonimous dengan perniagaan di negara ini, tidak wujud. Katanya orang-orang Melayu, terutamanya pada zaman kesultanan Melaka, terbukti sangat terlibat dalam pemasaran, perniagaan kecil-kecilan, import dan eksport dan malah perkilangan. Pada waktu itu terdapat orang-orang Melayu yang mahir dalam berbagai bidang. Perniagaan orang-orang Melayu telah mencapai sofistikasi kerana terbukti mereka telah menggunakan wang dengan terjumpanya syiling-syiling lama yang membawa pengaruh Arab dan India, dan bukannya China.

Pedagang-pedagang Arab dan India datang dan mengubah pola perniagaan kesultanan Melayu. Mereka bukan hanya datang berniaga tetapi telah berkahwin dengan orang-orang Melayu yang rapat dengan istana dan terus tinggal menetap di sini dan diterima sebagai orang-orang Melayu. Hubungan mereka dengan dunia perdagangan di luar negeri telah menyebabkan raja-raja tidak perlu berniaga secara langsung lagi. Merekalah yang berkhidmat dengan kecermelangan untuk raja dan rakyat.

Kemudian masuklah pedagang-pedagang Cina. Mula-mulanya tidak ramai. Mereka datang sebagai agen untuk menjual barang-barang dari China dan membeli barang-barang tempatan untuk dieksport ke China. Dengan sofistikasi perniagaan mereka, mereka menjadi kaya dan berpengaruh. Lama-kelamaan hubungan mereka dengan raja-raja menjadi baik dan raja-raja berasa senang dengan mereka. Prasangka terhadap mereka pun terhapus.

Dalam tempoh yang singkat, di kalangan mereka yang tinggal di Melaka telah tercapai kemajuan dalam perniagaan runcit yang akhirnya menjadi satu sistem perniagaan yang tersebar luas di seluruh negara.

Kedatangan orang-orang Portugis, Belanda dan Inggeris jelas mendorongkan lagi orang-orang Cina. Mereka telah menggunakan orang-orang China—untuk mengeksplorasi sepenuhnya kesulatanan Melayu. Di bawah penjajahan British orang-orang China menjadi lebih kaya dan pasaran barang-barang British pun menjadi lebih baik di kalangan orang-orang Cina. Di samping pedagang-pedagang Cina telah datang juga pekerja-pekerja mahir dan kuli-kuli dan ini akhirnya menggantikan orang-orang Melayu. Orang-orang Melayu terpaksa keluar dari bandar dengan sebab-sebabnya tertentu.

Dalam tahun 30-an abad kedua puluh ini, orang-orang Melayu sedar akan dilema ekonomi yang mereka hadapi tetapi oleh sebab tiada kekuasaan, mereka tidak dapat berbuat apa. Kedatangan Jepun telah memburukkan lagi keadaan orang-orang Melayu apabila ramai daripada mereka terberhenti kerja dari pentadbiran Inggeris. Tiba-tiba mereka ini menjadi peniaga-peniaga kecil, tetapi mereka juga akhirnya berasa dilema ekonomi orang-orang Melayu telah menjadi begitu dahsyat sekali.

Selepas Perang Dunia II dan British kembali, sekumpulan kecil orang-orang Melayu cuba menggunakan kuasa politik untuk menembusi dunia perniagaan. Tetapi British telah memeranjatkan orang-orang Melayu dengan konsep Malayan Union dan orang-orang Melayu terpaksa mengalih perhatian mereka dari perniagaan ke politik.

Orang-orang Melayu kemudiannya mencuba beberapa kali untuk menembusi dunia perniagaan tetapi kejayaan mereka seperti yang kita ketahui hingga ke hari ini tidak

sampai ke mana-mana. Monopoli Cina begitu kuat sekali. Perniagaan Melayu yang digalakkan menjadi perniagaan Ali-Baba dan pengaruh-pengaruh syarikat di kalangan Melayu juga tidak membawa perubahan-perubahan. Melayu masih menghadapi dilema ekonomi, kata Mahathir. Sebabnya menurut beliau ialah kerana setiap langkah yang diam-bil oleh orang-orang Melayu dalam bidang ekonomi, orang-orang bukan Melayu lain mengambil sepuluh langkah. Ini adalah kerana dasar-dasar kerajaan Malaysia yang dikatakan merdeka mengoffset dasar untuk membantu orang-orang Melayu. Ini adalah kerana konsep perniagaan telah berubah dan berubah lagi, baru pun orang-orang Melayu mula hendak memahami kaedah-kaedah kuno yang telah pada mulanya mengalahkan mereka.

Negara ini, kata Mahathir, adalah negara demokrasi dan orang-orang Melayu tidak menentang dasar ekonomi bebas (free enterprise system). Namun demikian persaingan yang wujud menjadi bertambah tidak adil.

Mahathir berpendapat jika orang Cina tidak mahu bekerjasama membantu mempertingkatkan ekonomi orang-orang Melayu, kemajuan orang-orang Melayu tidak akan tercapai.

Walau bagaimanapun, dalam cadangannya, Mahathir berkata orang-orang Melayu, mestilah berubah dan dia perca-y a mereka boleh berubah. Apa yang penting dan perlu dilakukan oleh Mahathir sekarang ini ialah untuk meneliti bagaimana 1:10 langkah orang-orang Melayu x bukan Melayu dapat bukan hanya disamakan tetapi dilebihkan menjadi 7:3 Melayu x bukan Melayu.

Mahathir di mana-mana di dalam bukunya juga ada berkata bahawa syarikat kerjasama yang kecil-kecil terbukti tidak sesuai untuk kemajuan ekonomi orang-orang Melayu. Ini memang benar dan kita telah pernah menyaksikan sya-

rikat kerjasama yang dikelolakan oleh cerdik pandai Melayu pun telah mengalami kerugian dan kegagalan. Namun demikian kita juga harus menyedari hakikat bahawa sistem ekonomi bebas yang terlalu bebas jugalah yang menyebabkan orang-orang Melayu ketinggalan sembilan langkah di belakang orang-orang bukan Melayu. Oleh yang demikian satu jalan tengah harus difikirkan oleh ahli-ahli ekonomi Melayu. Pada masa-masa lampau kita telah banyak mendengar teori-teori ekonomi daripada pakar-pakar ekonomi Melayu, tetapi kenyataannya keadaan kita tidak berubah, malah menjadi lebih buruk. Soalnya apakah teori-teori ekonomi pakar-pakar itu tidak baik ataukah mereka tidak diberi peluang untuk melaksanakannya.

Seperi yang kita maklumi, selepas peristiwa 13 Mei, dan selepas buku ini ditulis, kerajaan telah mengadakan Dasar Ekonomi Baru yang berupa serampang dua mata dari segi tujuannya iaitu untuk menghapuskan kemiskinan dan menstruktur semula masyarakat. Mahathir bersetuju dengan dasar ini dan dia menurutnya akan melaksanakan dasar ini dengan gaya dan pendekatan yang baru. Masanya terlalu awal untuk kita mengukur kejayaannya dalam bidang ini, tetapi satu hal yang penting yang harus kita sedari ialah hakikat bahawa dia ada mempunyai dasar dan dasar itu haruslah dilaksanakannya untuk mencapai tujuannya. Kita berdoa semoga dia berjaya.

Ketujuhnya kita tinjau pula pendapat Mahathir tentang pendidikan.

Seperi yang telah diketahui Mahathir sangat tegas dalam soal pendidikan ini. Kepada beliau pendidikan adalah hak bangsa Melayu untuk mencorakkannya. Sebagai bangsa definitif di negara ini, orang-orang Melayu, kata Mahathir, tidak akan berganjak dari dasar pelajaran sekarang.

Kita semua sedia maklum bahawa matlamat terakhir dasar pelajaran kebangsaan kita berkait erat dan tak dapat dipisahkan dengan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal iaitu menyatupadukan rakyat melalui sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantarnya.

Ketegasan Mahathir dalam hal ini harus disanjung oleh rakyat Malaysia yang jujur lagi berterima kasih. Tidak ada jalan keselamatan yang lebih menjamin daripada sistem pendidikan kerana melaluinya nilai-nilai hidup yang sem-purna dapat disemaiakan kepada generasi baru yang bakal mengambil alih bumi ini.

Walau bagaimanapun dalam melaksanakan dasar ini, setakat ini, kita telah pun membuat beberapa kesilapan. Yang terpenting daripadanya ialah yang mengenai bahasa. Seperti yang telah kita katakan, matlamat dasar pendidikan kita berkait rapat dengan dasar bahasa. Ini membawa erti bahawa berjaya atau tidaknya dasar bahasa kita bergantung kepada berjaya atau tidaknya kira mengatur kurikulum sekolah-sekolah kita. Seperti yang dapat dilihat, kurikulum sekolah kita terlalu mementingkan bahasa Inggeris. Ia diajarkan dari peringkat yang serendah-rendahnya. Perbuatan yang begini tentu sekali mengancam kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Ia scumpama menyiramkan minyak ke atas api. Bahasa Inggeris yang sudah dituturkan oleh segolongan masyarakat Malaysia dan bahasa Inggeris dengan imagnanya yang telah terbina sewaktu penjajahan dahulu, akan terus marak dan membakar. Hal ini telah terbukti sekarang. Bukan hanya ianya terus dituturkan oleh murid-murid tetapi juga menimbulkan rasa rendah diri di kalangan mereka yang tidak tahu menuturnya. Ini amatlah berbahaya kerana dasar kebangsaan kita ialah untuk menuju ke arah penuturan bahasa kebang-

saan sebagai alat perhubungan yang terpenting dan yang akan menjadi identiti bangsa kita. Oleh yang demikian, menyedari bahaya ini, langkah-langkah positif hendaklah diambil. Misalnya, tidak berapa lama dahulu, pernah Profesor Awang Had bin Salleh, Profesor Atan bin Long, saya sendiri, dan beberapa orang lagi mengutarakan cadangan supaya pengajaran bahasa Inggeris itu dilambatkan hingga ke peringkat sekolah menengah. Ini akan menjamin penggunaan bahasa kebangsaan sepenuhnya pada peringkat rendah oleh semua murid. Setelah itu bolehlah mereka mempelajari sebanyak mana bahasa asing pun. Malah kita bukan hanya harus menggalakkan mereka mempelajari satu bahasa asing sahaja tetapi lebih banyak lagi. Ini boleh dirancangkan. Wang dan tenaga yang digunakan untuk pengajaran bahasa Inggeris itu boleh digunakan untuk pengajaran bahasa-bahasa asing yang lain sekiranya bahasa Inggeris dilambatkan pengajarannya.

Sesungguhnya apa yang berlaku pada akhir tahun-tahun tujuh puluhan adalah amat bertentangan dengan semangat dasar bahasa kebangsaan. Mendatangkan guru-guru bahasa Inggeris dari luar, melatih guru-guru bahasa Inggeris dengan mengadakan kursus-kursus TOEFL dan TESL, dan seumpamanya adalah tindakan-tindakan yang mengancam dasar pelajaran kebangsaan kita. Di sini harus diingat bahawa mengajar bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua bererti mengajar bahasa itu supaya dapat dituturkan dengan fasih oleh pelajar-pelajar. Salah tanggapan tentang *kaedah mengajar bahasa* dengan *status bahasa yang kedua kedudukannya* telah menyebabkan tujuan dan matlamat pengajarannya berlainan. Bahasa Inggeris sebagai bahasa yang kedua kedudukannya dari segi status, tidak perlu diajarkan dengan menggunakan *kaedah mengajar bahasa kedua* kerana kesannya berlainan dari segi perkembangan bahasa kebang-

saan di dalam masyarakat. Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua dari segi statusnya dimaksudkan untuk menjadikannya alat untuk menimba ilmu pengetahuan. Oleh yang demikian penguasaannya tidak perlu aktif iaitu memadai dengan hanya berkebolehan memaham. Juga pengajarannya tidak perlu dari peringkat bawah dan ianya mestilah dijadikan satu pilihan dari sejumlah bahasa asing yang lain. Cara penilaian atau pemeriksannya haruslah berlainan iaitu tidak perlu diuji aspek lisannya manakala bagi bahasa kebangsaan apek lisannya hendaklah dijadikan syarat mutlak untuk lulus. Sebagai pilihan, ianya adalah dimaksud untuk mereka yang hendak melanjutkan pelajarannya sahaja.

Seperti yang telah dinyatakan pada bahagian awal tadi, sekiranya ada pelajar-pelajar yang hendak keluar negeri selepas tingkat lima atau enam, barulah disediakan kursus intensif untuk mereka sehingga dapat menguasai aspek lisannya. Demikian jugalah dengan bahasa-bahasa lain. Telah terbukti bahawa kursus-kursus intensif telah banyak disediakan untuk maksud ini untuk kebanyakan bahasa moden di seluruh dunia ini.

Akhirnya satu perkara yang penting yang perlu diberi perhatian segera ialah tentang cara memeriksa yang dilakukan di sekolah-sekolah sekarang ini. Kita dapati pada peringkat darjah lima, dalam ujian penilaian, soalan objektif digunakan. Begitu juga pada peringkat SRP, soalan objektif digunakan. Sambil memahami sebab-sebab kenapa ujian objektif ini digunakan, iaitu kerana kertas jawapan terlalu banyak untuk diperiksa, saya rasa kita juga harus memikirkan hal yang berthabit dengan penguasaan dan penggunaan bahasa kebangsaan. Dalam ujian objektif, penggunaan bahasa amat sedikit dan ini tidak membantu kita melaksanakan dasar bahasa Kebangsaan.

Akhirnya marilah kita tinjau Mahathir sebagai pemimpin dan seterusnya melihat apakah yang telah dilaksanakannya semenjak dia menjadi Perdana Menteri.

Kita tidak perlu berdakwah kepada Mahathir. Dia tidak minum, tidak merokok dan tidak berpoya-poya. Kita tidak pernah melihat dia di Padang Lumba Kuda atau di Tanah Tinggi Genting. Kita tidak pernah melihat dia merampus tanpa sebab. Kita tidak pernah mendengar dia atau keluarganya terlibat dalam rasuah.

Sebaliknya kita pernah mendengar Mahathir menjaga makan minumnya dan kesihatannya seperti yang dikehendaki oleh Allah. Kita pernah mendengar beliau ingin mengurangkan gajinya kerana menurutnya melebihi keperluannya. Kita sering melihat dia di masjid, sama ada di dalam negeri maupun di luar negeri. Kita pernah melihat dia membaca Al-Quranul Karim. Kita tahu dia sentiasa bertengang dan sangat tekun dalam melaksanakan tugas-tugasnya. Kita juga pernah melihat dia mencucurkan air mata sewaktu sahabatnya meninggal. Hatinya lembut. Apakah dia masih jauh dari zuhud?

Mahathir sesungguhnya adalah bakal pemimpin yang lebih agung. Kita yakin bahawa beliau akan membawa kita ke jalan yang benar, jalan yang direddai oleh Allah. Dengan hubungannya yang baik dengan Allah dan dengan sesama manusia, kita yakin Mahathir akan melakukan kebaikan dan menghapuskan segala kemungkaran. Moga-moga Allah akan terus memberikan taufik dan hidayahNya kepada beliau.

Secara sepintas lalu, kita dapat melihat bahawa semenjak beliau menjadi Perdana Menteri (yang belum pun cukup satu tahun), beberapa tindakan positif yang boleh meninggalkan kesan yang mendalam kepada bangsa, masyarakat dan agama telah pun diambilnya.

Menyusun semula BSN menjadi Badan Pencegah Rasuah untuk memungkinkan wujudnya pentabiran yang *bersih*, *cekap* dan *amanah* harus menyedarkan kita betapa seriusnya beliau menghadapi masalah penyelewengan dan ketakefisienan dalam masyarakat,

Mengubah waktu  $\frac{1}{2}$  jam bukan hanya baik dari segi menyatukan waktu negara—Sabah, Sarawak dan Semenanjung—tetapi lebih-lebih lagi memungkinkan orang bekerja lebih keras dan beriadah lebih banyak. Bangun setengah jam lebih awal adalah rahmat bagi sesiapa yang mengetahuinya.

Mengadakan sistem ‘clock-in’ di pejabat-pejabat menjamin perkhidmatan yang lebih efisien, berdedikasi bagi rakyat dari kakitangan kerajaan.

Mengukuhkan hubungan dengan negara-negara Islam adalah langkah yang paling wajar. Mahathir harus diberi sanjungan kerana inilah satu-satunya jalan keselamatan bagi kita dan bagi umat Islam seluruhnya.

Mengiktiraf perwakilan Palestin pada peringkat kedutaan adalah sesuatu yang memperlihatkan ketegasan dan keberanian beliau dalam arena politik antarabangsa.

Memandang ke Timur untuk perkembangan pendidikan dan kebudayaan adalah sesuatu yang tidak pernah terfikirkan oleh sesiapa pun. Kemajuan di bidang sains dan teknologi yang telah dicapai oleh Jepun dan Korea adalah semata-mata kerana ketekunan dan kerja keras mereka dan Mahathir menggalakkan kita untuk bekerja keras seperti mereka. Dengan ilham dari Timur ini juga beliau telah memulakan industri berat dan melatih pekerja-pekerja mahir dari peribumi untuk bekerja dengan syarikat-syarikat Korea dan Jepun yang mendapat kontrak di negara ini. Menarik perhatian kita kepada bandar Tun Razak sebagai contoh bandar-bandar baru yang lengkap serba serbinya yang akan

dibina untuk orang-orang Melayu.

Menubuhkan sebuah Universiti Islam antarabangsa yang menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa penghantarnya adalah puncak komitmen beliau terhadap cita-cita dan perjuangan umat Islam.

Inilah tujuh daripada perkara-perkara utama yang telah diusahakan oleh Mahathir semenjak beliau menjadi Perdana Menteri. Dengan sikap yang positif dan fahaman yang menyeluruh lagi mendalam terhadap negara dan dunia, saya yakin Mahathir akan mencapai lebih banyak kejayaan lagi untuk bangsanya.

Dilema yang dihadapi oleh orang-orang Melayu akan terhapus dengan meréka tiada kehilangan hak ataupun sopan santun dan budi bahasa, insya Allah.

## *Bahasa Inggeris: Bahaya dan Harganya*

Dalam usaha mendaulatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di negeri ini, kedudukan bahasa Inggeris yang sejak dulu memegang peranan terpenting di antara bahasa-bahasa di negeri ini *haruslah* diwaspadai. Pengangkatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal (kecuali dalam beberapa perkara) pada tanggal 1 September 1967, masih belum menjamin bahawa bahasa Melayu akan tetap menjadi bahasa yang tunggal di negeri ini untuk selama-lamanya. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi menggantikan bahasa Inggeris belum begitu kukuh. Penggunaannya sebagai bahasa rasmi oleh pegawai-pegawai pentadbiran kerajaan baik yang bukan Melayu mahupun yang Melayu masih pada peringkat tulisan. Golongan pentadbiran ini, yang pada waktunya lampau mendapat pendidikan aliran Inggeris, sebahagian besarnya menggunakan bahasa Inggeris dalam kehidupan sehari-hari keluarga mereka. Anak-anak mereka, malah mereka sendiri juga, menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pertama, iaitu menuturkan bahasa itu semenjak kecil.

Dalam karangan ini saya akan cuba menghuraikan *bahaya* bahasa Inggeris itu di samping menunjukkan nilainya. Huraian ini akan saya pecahkan menurut pembahagian berikut:

- (a) Bahasa dan masyarakat.
- (b) Kedudukan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di Malaysia, dulu dan sekarang.
- (c) Nilai dan bahaya bahasa Inggeris.

**(a) Bahasa dan masyarakat**

Sebagai latarbelakang diturunkan di sini secara ringkas di antara bahasa dengan masyarakat:

Bahasa adalah sesuatu yang hadir dalam masyarakat. Bahasa yang digunakan sepenuhnya oleh setiap lapisan masyarakat dalam kehidupan sehari-hari masyarakat itu merupakan asas segala pergerakan kebudayaan masyarakat itu. Dalam hubungan ini bahasa itu sesungguhnya bukanlah hanya berupa tanda-tanda yang melambangkan perkara-perkara, benda-benda dan kejadian-kejadian dalam masyarakat, tetapi adalah sesuatu yang mencerminkan segala cara, tatasusila serta pandangan hidup masyarakat itu.

Dalam beberapa masyarakat terdapat dua atau lebih bahasa yang dituturkan oleh tiap anggota masyarakat itu. Dalam beberapa masyarakat lain pula terdapat dua atau lebih bahasa yang dituturkan oleh golongan-golongan yang berlainan dalam masyarakat itu. Misalnya di Malaysia terdapat golongan Melayu yang menuturkan bahasa Melayu, golongan Tionghua menuturkan bahasa Tionghua dan sebagainya. Ada juga terdapat dua atau lebih masyarakat yang berpisahan menuturkan satu bahasa yang tertentu. Misalnya masyarakat-masyarakat Inggeris, Australia dan Amerika yang menuturkan bahasa Inggeris.

Tidak ada hubungan yang mutlak atau hayati di antara bahasa dengan masyarakat. Bahasa sesebuah masyarakat itu mungkin *lenyap* dari masyarakat itu, iaitu tidak dipergunakan lagi oleh masyarakat itu di kalangan ahli-ahlinya, dan tempatnya digantikan oleh bahasa lain. Kejadian se-

umpama ini lazim berlaku kepada bahasa sesebuah masyarakat yang tertakluk.

Bahasa sesebuah masyarakat itu dikatakan *mati* apabila bahasa itu tidak dipergunakan lagi atau tidak digunakan oleh anggota masyarakat itu. Misalnya bahasa-bahasa Yunani dan Latin dikatakan mati kerana kedua-duanya tidak digunakan lagi dalam bentuknya yang asli oleh masyarakat-masyarakat bahasa itu.

Untuk menjamin *kehidupan* bahasa sesebuah masyarakat maka bahasa itu haruslah dipergunakan seluas-luasnya oleh masyarakat itu. Di samping itu penutur-penutur bahasa itu haruslah menerima perubahan-perubahan yang berlaku kepada bahasa itu dari waktu ke waktu. Penggunaan aspek-aspek bahasa tidak mungkin dipaksakan kepada masyarakat. Sejarah membuktikan bahawa bahasa-bahasa bincinan seperti Esperanto, Volapuk dan Ido, tidak dapat *hidup* kerana bahasa-bahasa ini tidak diterima oleh masyarakat.

Cara yang sebaik-baiknya untuk memupuk *kehidupan* sesuatu bahasa itu ialah dengan menghasilkan susastera-susastera dalam bahasa itu. Bahasa-bahasa Romance seperti Perancis, Italia dan lain-lain di Eropah berkembang menjadi bahasa-bahasa yang tersendiri dengan berkembangnya kesusasteraan setempat dalam bahasa-bahasa itu.

Pendapat bahawa setengah-setengah bahasa itu lebih *maju* daripada bahasa-bahasa yang lain, tidak dapat diterima. Tiap satu bahasa itu sesuai untuk dijadikan alat oleh sesebuah masyarakat itu. Sesuatu bahasa itu akan terus *menyesuaikan dirinya* jika bahasa itu digunakan dengan se-penuhnya oleh sesebuah masyarakat itu untuk semua pergerakan kebudayaannya. Bahasa Melayu mempunyai kesanggupan, tetapi pada waktu-waktu yang lampau bahasa itu tidak digunakan dengan meluas.

Sesebuah bahasa itu dikatakan *moden* apabila bahasa itu digunakan sebagai alat perantaraan kebudayaan moden, iaitu kebudayaan yang berasaskan sains dan teknologi. Sesuatu bahasa itu dapat *dimodenkan* dengan cara menambah perbendaharaan kata-katanya. Dalam hubungan ini bahasa Melayu adalah bahasa moden kerana perbendaharaan bahasa Melayu sedang ditambah dengan pesatnya secara seder.

Tiap perkataan atau istilah yang ditambahkan ke dalam sesuatu bahasa itu belum dapat dikatakan sebahagian daripada bahasa itu selagi perkataan atau istilah itu tidak dipergunakan oleh masyarakat itu atau oleh satu golongan yang tertentu dalam masyarakat itu.

Sebelum istilah-istilah itu dapat dipergunakan penutur-penutur bahasa itu haruslah mengetahui konsep atau makna yang dibawa oleh perkataan-perkataan atau istilah-istilah yang ditambahkan itu.

(b) Kedudukan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di Malaysia, dulu dan sekarang

Dalam bahagian ini akan dihuraikan secara berasingan kedudukan

- (a) bahasa Inggeris, dan
- (b) bahasa Melayu.

Bahasa Inggeris datang ke Tanah Melayu bersama-sama dengan orang-orang Inggeris. Perkembangan penggunaannya di Tanah Melayu selaras dengan perkembangan pendidikan formal yang diperkenalkan oleh Inggeris. Sekolah pemerintah yang mula-mula menggunakan bahasa Inggeris ialah Penang Free School yang dibuka dalam tahun 1816 di Pulau Pinang. Bilangan sekolah-sekolah Inggeris bertambah dengan pesatnya dalam tahun-tahun yang berikutnya kerana orang-orang Inggeris juga telah memperkenalkan satu sis-

tem pentadbiran baru di negeri ini. Sistem pentadbiran baru yang diperkenalkan itu hanya menerima orang-orang yang berkelulusan Inggeris sahaja.

Dalam tahun 1905 sebuah sekolah yang bernama Maktab Melayu telah dibina di Kuala Kangsar khas untuk anak-anak Melayu kaum atasan. Sekolah ini bertujuan menyediakan anak-anak kaum atasan Melayu itu supaya dapat bertugas di dalam sistem pentadbiran yang diperkenalkan oleh Inggeris itu. Inggeris terpaksa memberikan kesempatan yang utama kepada kaum atasan ini kerana, akibat dari pengenalan sistem pentadbiran baru itu, kuasa politik dan ekonomi mereka terpindah, dan mereka tidak berkuasa lagi. Di samping sekolah ini anak-anak Melayu yang lain disalurkan dari sekolah rendah Melayu, melalui kelas-kelas khas, ke sekolah-sekolah Inggeris. Tetapi di sini harus ditegaskan tidaklah semua murid dari sekolah-sekolah rendah Melayu itu dapat disalurkan. Cuma beberapa orang sahaja, iaitu yang cerdas-cerdas.

Dalam tahun 1928 sebuah maktab yang diberi nama Raffles College didirikan di Singapura. Kolej ini menjadi pintu untuk pelajar-pelajar dari aliran persekolahan Inggeris itu melanjutkan pelajaran mereka.

Setelah pemerintahan Jepun sebuah universiti didirikan di Singapura. Dengan terbinanya universiti ini maka menjadi kukuhlah aliran persekolahan Inggeris. Dalam tahun-tahun yang berikutnya kita dapatli ibu bapa-ibu bapa berlumba-lumba menghantar anak-anak mereka masuk ke sekolah-sekolah Inggeris.

Maktab-maktab Perguruan seperti Kirkby, Pulau Pinang, Brinsford dibina untuk membekalkan guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar di sekolah-sekolah Inggeris itu. Sayogia diingat, sekolah-sekolah Inggeris ini bukan hanya dibina oleh kerajaan, tetapi juga oleh pengembang-pengem-

bang agama Kristian. Jumlahnya besar.

Dari keterangan di atas nyatalah bahawa dalam zaman pemerintahan Inggeris satu sistem persekolahan Inggeris yang kukuh telah terwujud dan sistem ini telah mewujudkan masyarakat penutur bahasa Inggeris di Tanah Melayu ini. Masyarakat ini merupakan masyarakat yang terkemuka di antara golongan-golongan masyarakat yang menuturkan bahasa-bahasa lain kerana anggota-anggotanya terdiri dari pegawai-pegawai pentadbir yang memegang peranan-peranan yang penting dalam sistem pentadbiran negeri. Kebanyakannya anggota masyarakat bahasa Inggeris ini menggunakan bahasa itu sebagai bahasa pertama mereka, iaitu bahasa yang mereka kuasai semenjak kecil dari ibu bapa mereka yang berpelajaran Inggeris, dan bahasa itu mereka gunakan dalam segala lapangan hidup mereka.

Di samping itu masyarakat bahasa Inggeris ini merupakan masyarakat yang paling 'Malaysian' dalam erti kata bahawa anggota-anggotanya terdiri dari kaum-kaum yang utama di negeri ini seperti Melayu, Tionghua, India dan lain-lain. Ini bererti bahawa bahasa Inggeris itu sebenarnya, semenjak zaman penjajahan lagi, telah menjadi perantaraan yang utama di kalangan penduduk-penduduk kelas menengah dan kelas atasan.

Sekarang ini setelah bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa rasmi yang tunggal, masyarakat bahasa Inggeris ini masih terus berkembang kerana sekolah-sekolah aliran Inggeris masih terus berjalan di negeri ini. Pusat-pusat pengajian tinggi masih lagi memerlukan kelulusan bahasa Inggeris secara aktif, yakni pelajar-pelajar yang walaupun datang dari aliran Melayu apabila di Universiti Malaya dikehendaki menjawab soalan-soalan peperiksaan mereka dalam bahasa Inggeris. Di Univeristi Malaya, Fakulti Sastera dan Sains Sosial pun masih belum dapat menyediakan sepenuhnya

kuliah-kuliah dalam bahasa Melayu untuk mahasiswa-mahasiswa dari aliran Melayu. Mahasiswa-mahasiswa dari aliran Melayu yang memasuki jurusan Sastera ini, kecuali untuk beberapa mata pelajaran, terpaksa mengikuti kuliah-kuliah dalam bahasa Inggeris. Malah dalam hal ini Maktab MARA yang bertujuan hendak memajukan kamu bu-miputera pun cuma mengambil pelajar-pelajar yang datang dari aliran Inggeris sahaja utamanya.

Di samping ini semua, pada waktu yang akhir-akhir ini, iaitu setelah bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa rasmi, usaha-usaha mula dijalankan dengan giatnya oleh beberapa golongan yang berkepentingan dalam bahasa Inggeris untuk mewujudkan sastera Inggeris setempat. Golongan ini mencuba sedaya upayanya untuk menimbulkan minat orang-orang setempat terhadap kesusasteraan Inggeris setempat. Perkembangan-perkembangan baru yang tak pernah berlaku dulu ini jelas kelihatan berlaku sekarang. Dalam suratkhabar *Sunday Times*, misalnya, sudah terdapat ruangan khas untuk sajak-sajak Inggeris yang ditulis oleh penulis-penulis setempat. Antologi-antologi sajak dan cerpen-cerpen Inggeris setempat juga mulai diterbitkan. Malah golongan yang berkepentingan ini telah dengan beraninya maju selangkah lagi ke depan, iaitu mereka menterjemahkan hasil-hasil susastera setempat yang lain ke dalam bahasa Inggeris. Dalam hal ini Universiti Malaya juga pernah dulu, memberikan kerjasamanya untuk menerbitkan *Jurnal Tenggara*. Syukurlah sekarang sudah tidak dilakukan lagi.

Yang lebih penting dalam hal ini ialah bahawa Universiti Malaya mempunyai sebuah Jabatan Inggeris yang masih dalam bentuknya yang lama. Kursus-kursus yang diberikan di jabatan itu tidak ada ubahnya dengan kursus-kursus yang berbahasakebangsaankan bahasa Inggeris seperti Britain, Amerika, Australia, dan lain-lain. Di waktu yang

akhir-akhir ini jabatan ini telah memberikan lebih banyak kesempatan kepada siswazah-siswazah untuk mengambil ijazah kesarjanaan dalam bahasa dan kesusasteraan Inggeris.

Ini tidaklah bererti bahawa kita tidak harus mempelajari bahasa dan kesusasteraan Inggeris. Yang dipersoalkan di sini ialah bentuk dan caranya bahasa Inggeris itu diajarkan. Apakah tidak mungkin misalnya kesusasteraan Inggeris itu dipelajari melalui bahasa kebangsaan semuanya? (Menurut dasar ini memang demikian). Lagi pula mengapa cuma kesusasteraan Inggeris sahaja yang dipelajari? Bukanakah banyak kesasteraan-kesusasteraan lain di dunia? Mengapakah tidak digantikan jabatan itu dengan Jabatan Bahasa dan Kesusasteraan Dunia yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa penghantarnya?

Barangkali tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa puncak dari segala kegiatan mengutarakan bahasa Inggeris ini ialah rancangan yang dinamakan *Seames*. Menurut rancangan ini sebuah pusat penyelidikan tentang pelajaran dan pengajaran bahasa Inggeris akan ditubuhkan untuk seluruh Asia Tenggara di Singapura. Alangkah anehnya perkara ini, iaitu ketika kita di negara-negara Asia Tenggara ini sedang giat memperjuangkan bahasa kebangsaan kita masing-masing, orang sudah mulai 'mencakup' kita dengan menge-mukakan bahasa Inggeris. Dengan lain-lain perkataan bahasa Inggeris masih diangap lebih agung. Bahasa itu menjadi bahasa daerah kita, Daerah Asia Tenggara!

Seperti yang diketahui umum bahasa Melayu pernah memegang peranan yang penting sebagai bahasa perantaraan di daerah kepulauan Melayu pada zaman-zaman sebelum kedatangan Barat ke daerah ini. Dalam zaman Kerajaan Sriwijaya, pernah diberitakan oleh seorang ahli pelajaran Tionghua, ITsing namanya, bahawa bahasa Mela-

yu adalah bahasa penghantar pengajian tinggi di Sumatera. Sesiapa yang datang ke Sumatera untuk mengkaji hal eh-wal agama Buddha harus terlebih dahulu mengetahui bahasa Melayu.

Dalam zaman Islam di daerah kepulauan Melayu ini kita dapati ahli-ahli agama Islam yang terkenal seperti Nuruddin ar-Raniri dan Hamzan Fansuri menggunakan bahasa Melayu dalam penulisan-penulisan mereka tentang agama Islam. Perdebatan tentang agama Islam di antara ahli-ahli seperti kedua tokoh ini dijalankan di dalam bahasa Melayu.

Orang-orang Barat yang mula-mula datang ke daerah ini telah mengakui hakikat bahawa bahasa Melayu itu sesungguhnya bahasa yang terpenting di daerah ini. Mereka betul-betul berusaha mempelajari bahasa Melayu demi kepentingan mereka sendiri, iaitu untuk perkembangan agama Kristian dan perdagangan.

Tetapi yang anehnya ialah sungguhpun bahasa Melayu menjadi bahasa perantaraan di daerah kepulauan Melayu ini, namun bahasa Melayu tidak dipelajari oleh orang-orang Melayu sebagai bahasa pertama secara formal, iaitu melalui sekolah-sekolah seperti keadaannya sekarang ini. Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi misalnya pernah menyatakan pemahatiannya tentang hal ini. Dalam bukunya dia berkata bahawa orang-orang Melayu tidak mahu mempelajari bahasanya sendiri.

Pengajaran bahasa Melayu sebagai bahasa pertama kepada orang-orang Melayu bermula hanya setelah sekolah-sekolah Melayu dibuka di negeri ini. Tingkatan yang tertinggi di sekolah Melayu ialah darjah enam. Lulusan-lulusan sekolah ini berpeluang menjadi guru yang kembali mengajar ke sekolah-sekolah ini. Maktab latihan untuk guru-guru ini telah juga didirikan. Maktab yang terkenal ialah Maktab Sultan Idris Tanjung Malim.

Dari sudut ini maka ternyata bahawa perkembangan penggunaan bahasa Melayu tidak sejajar dengan perkembangan "kebudayaan baru" yang datang bersama-sama dengan Barat ke Tanah Melayu ini. Ilmu pengetahuan baru yang dibawa oleh Barat itu disampaikan melalui sekolah-sekolah Inggeris (dan sekolah-sekolah Tionghua yang mempunyai peringkat menengah) dengan perantaraan bahasa Inggeris. Maka itulah sebabnya setelah merdeka, apabila bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan dan dijadikan bahasa penghantar di sekolah-sekolah menengah Melayu, terdapat beberapa masalah seperti kekurangan istilah-istilah dan lain-lain. Hal ini terpaksa diatasi dan pemerintah telah mendirikan Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tahun 1956. Tugas Dewan Bahasa di antara lain ialah untuk mencipta istilah-istilah, mengarang dan menerbitkan buku-buku pelajaran dan menterjemahkan buku-buku pelajaran ke dalam bahasa Melayu.

Pembukaan sekolah-sekolah menengah Melayu yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar dimulakan dalam tahun 1959. Murid-murid dari sekolah aliran Melayu ini dapat melanjutkan pelajaran mereka hingga ke maktab-maktab dan Universiti Malaya; tetapi maktab-maktab kecuali maktab Perguruan Bahasa, masih belum lagi dapat menyampaikan semua kuliahnya dalam bahasa Melayu. Pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah aliran Melayu apabila memasuki Universiti Malaya, dipaksa terlebih dahulu mempelajari bahasa Inggeris untuk menyesuaikan diri mereka dengan universiti itu.

Dalam rangka pendaulatan bahasa Melayu, tanggal 1 September 1967, merupakan tanggal yang bersejarah kerana pada hari itulah bahasa Melayu diangkat menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal. Namun demikian, seperti yang telah dinyatakan, ini belum bererti baha-

wa bahasa Melayu itu akan kekal menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal di negeri ini.

(c) Nilai dan bahaya bahasa Inggeris

Nilai bahasa Inggeris itu terletak pada hakikat bahawa bahasa itu adalah salah satu daripada:

- (a) bahasa antarabangsa, yakni salah satu bahasa yang diketahui oleh banyak negara di dunia ini oleh kerana (dengan kejadian sejarah) Inggeris telah menjelajah hampir keseluruh dunia, (di samping beberapa negara Barat yang lain), dan telah menyebarkan bahasa mereka ke mana-mana sahaja mereka pergi;
- (b) bahasa ilmu pengetahuan, yakni salah satu bahasa yang banyak mempunyai buku yang mengandungi ilmu pengetahuan, kerana dengan kekayaan yang diperolehi dari tanah-tanah jajahannya, negeri-negeri Barat termasuk Inggeris telah dapat memusatkan perkembangan kebudayaan kebendaannya dengan berdasarkan kepada bahasanya;
- (c) bahasa perdagangan, yakni salah satu bahasa yang digunakan oleh negara-negara di dunia ini untuk saling berhubungan dalam lapangan perdagangan, kerana dengan penjajahan Inggeris untuk mencari kekayaan itu mereka telah menakluki dan memaksakan penggunaan bahasa Inggeris itu.

Dari ketiga-tiga perkara yang dilaung-laungkan oleh orang tatkala mempertahankan kedudukan bahasa Inggeris di negeri kita ini, dua di antaranya, iaitu (a) dan (c), sama saja, yakni bahasa Inggeris sebagai bahasa perdagangan itu tidak lain daripada menjalankan salah satu fungsi hubungan antarabangsa. Dari sudut ini maka kurang tepatlah jika kedua-dua perkara ini dipisahkan sebagai dua perkara yang berlainan.

Di samping itu haruslah disedari bahawa bahasa Inggeris itu hanyalah salah satu daripada beberapa bahasa lain di dunia ini yang dapat memainkan peranan-peranan yang sama seperti yang disenaraikan di atas. Maksud saya bahasa-bahasa Perancis, Rusia, Jepun dan bahasa-bahasa lain merupakan bahasa antarabangsa, bahasa ilmu pengetahuan, dan bahasa perdagangan. Bagi kita penerimaan bahasa Inggeris buat sementara waktu sebagai bahasa yang berfungsi di atas hanyalah kerana kejadian sejarah bahawa kita telah ditakluk oleh Inggeris dan selama penaklukan yang seratus tahun itu mereka telah menggunakan bahasa mereka dengan meluasnya.

Bahaya bahasa Inggeris ini haruslah ditinjau dari sudut nilainya ini. Maksud saya ialah dalam menerima bahasa Inggeris sebagai bernilai itu kita haruslah menyedari hakikat bahawa kita sedang memperjuangkan kedaulatan bahasa kebangsaan kita bukan hanya sebagai bahasa rasmi yang tunggal tetapi juga sebagai bahasa kebudayaan bangsa kita. Dengan lain-lain perkataan kita mahu menjadikan bahasa kebangsaan kita itu sebagai asas setiap lapangan kehidupan bangsa kita. Untuk ini kita harus menyedari hakikat bahawa bahasa kita haruslah pertama-tamanya kita jadikan bahasa ilmu pengetahuan secepat-cepatnya. Selagi kita tidak dapat menjadikan bahasa kita itu sebagai bahasa ilmu pengetahuan, sekurang-kurangnya untuk dalam negeri, maka selama itulah bahasa kita itu tidak kukuh kedudukannya. Dengan lain-lain perkataan selagi kita tidak sanggup menggantikan bahasa Inggeris dengan bahasa kita sebagai penghantar di sekolah-sekolah, selama itulah bahasa Inggeris akan menjadi satu ancaman besar terhadap bahasa kita sebagai bahasa yang akhir-akhirnya hendak kita jadikan bahasa kebudayaan bangsa kita.

Kebenaran tentang huraian saya mengenai bahaya baha-

sa Inggeris ini terbukti jika kita hubungkan huraian ini dengan perkara-perkara yang telah saya huraikan tentang hubungan *bahasa dengan masyarakat*, tentang *kedudukan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris di Malaysia dulu dan sekarang*. Dengan tidak ragu-ragu saya berani mengatakan di sini bahawa dalam keadaan sekarang, *jika kita tidak berwaspada*, bahasa Inggeris akan bertapak lebih tegap lagi daripada bahasa kebangsaan, dan dengan itu mengambil alih tempat bahasa Melayu. Seperti yang telah dinyatakan di atas tadi bahasa sesebuah masyarakat itu dapat "terlenyap" dari masyarakat itu dan tempatnya diambil alih oleh bahasa lain. Biarlah saya huraikan sebab-sebabnya satu persatu kenapa saya berkata demikian iaitu bahasa Inggeris berbahaya jika kita tidak berwaspada.

Sekolah-sekolah aliran Inggeris yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantarnya masih terus berjalan di negeri-negeri yang berbahasakebangsaankan bahasa Inggeris seperti Australia, England, Amerika dan New Zealand. Di samping itu bahasa Inggeris juga digunakan dengan meluas di setengah-setengah negeri lain seperti Filipina dan India. Ini bererti bahawa pengaruh dari luar memang tetap ada. Ibu bapa yang berkemampuan akan senantiasa menjenguk keluar dan akan dipengaruhi oleh situasi di luar dengan itu menguatkan lagi keazaman mereka untuk mempertahankan kedudukan bahasa Inggeris di negeri ini. Hal ini memang berlaku sehingga melibatkan negara kita. Oleh kerana pihak atasan masih mengingini pelajaran dari luar negeri mereka telah menghantar anak-anak mereka ke luar negeri dan apabila mereka ditegur mereka dari golongan yang berkuasa ini telah pula mengirimkan anak-anak Melayu secara beramai-ramai keluar negeri seperti ke England dan ke Amerika pada peringkat sekolah menengah. Perbuatan ini tidak syak lagi akan menggugat dasar

pelajaran kebangsaan yang hendak menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi yang tunggal di negeri ini. Seperti yang dimaklumi masyarakat yang menuturkan bahasa Inggeris ini adalah masyarakat yang memainkan peranan penting dalam masyarakat dan menambah jumlah yang menuturkan bahasa Inggeris menegapkan lagi kedudukan bahasa Inggeris.

Institusi-institusi pengajian tinggi masih banyak lagi yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi setengah-setengah mata pelajaran mereka. Ini akan meninggalkan kesan yang buruk kepada pelajar-pelajar dari aliran persekolahan Melayu atau aliran kebangsaan kerana pintu-pintu untuk mereka melanjutkan pelajaran adalah institusi-institusi pengajian tinggi dalam negeri ini. Yang berlaku di Universiti Malaya sekarang ini ialah pelajar-pelajar dari aliran kebangsaan dikehendaki mempelajari bahasa Inggeris supaya mereka dapat mengikuti kuliah-kuliah dalam bahasa Inggeris. Sementara mempelajari bahasa Inggeris atau apa bahasa kedua yang lain pun boleh diizinkan, tetapi janganlah mempelajari bahasa Inggeris atau apa bahasa yang kedua yang lain itu pun dimaksudkan untuk menyuruh pelajar-pelajar itu mengikuti kuliah-kuliah dalam bahasa Inggeris. Maksud yang demikian ini mempunyai dua bahaya yang besar. Pertamanya pihak ibu bapa akan kehilangan keyakinan terhadap aliran persekolahan kebangsaan dan demikian jugalah pihak pelajar-pelajar, dan keduanya pihak tenaga akademik yang seharusnya memperlajari dan menguasai bahasa kebangsaan akan tidak berusaha untuk mempelajari dan menguasainya dengan secepat mungkin. Keyakinan ibu bapa dan pelajar-pelajar ini amat perlu dijagai kerana tanpa jagaan dasar pelajaran kebangsaan yang hendak mendaulatkan bahasa Melayu itu akan gagal sama sekali. Institusi-institusi pengajian tinggi sebagai tempat

yang diberi nilai tinggi oleh masyarakat hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan sepenuhnya.

Orang-orang yang berkepentingan dalam masyarakat yang menuturkan bahasa Inggeris itu sedang berusaha dengan giatnya hendak mewujudkan hasil-hasil ciptaan susastera Inggeris setempat. Seperti yang telah diuraikan di atas, penghasilan susastera-susastera setempat dalam satu-satu bahasa itu merupakan satu cara yang dapat menjamin *kehidupan* satu-satu bahasa itu. Yang lebih membahayakan ialah golongan yang mendorong penghasilan susastera Inggeris setempat ini adalah golongan yang memegang peranan penting dalam lapangan pelajaran dan pendidikan seperti di institusi pengajian tinggi. Kedudukan mereka ini sudah tentu akan dapat menghidupkan minat orang terhadap kesusasteraan Inggeris setempat sehingga akan dapat pula menjadikan bahasa Inggeris yang sudah mempunyai tradisi itu sebagai asas kebudayaan masyarakat.

Mementingkan bahasa Inggeris sebagai bahasa daerah Asia Tenggara oleh pihak-pihak yang berkuasa di daerah ini akan memperkecil kedudukan bahasa-bahasa kebangsaan di daerah ini. Seperti yang diketahui umum penyelidikan tentang pengajaran dan pelajaran bahasa Inggeris akan dijalankan di bawah rancangan SEAMES. Sebuah pusat untuk tujuan ini dibina di Singapura. Langkah seumpama ini akan hanya menguatkan lagi kedudukan bahasa Inggeris itu sebagai bahasa daerah dan ini akan mengakibatkan penggunaannya secara lebih vital oleh negara-negara di daerah ini.

Titikberat terhadap sains dan teknologi untuk pembangunan negara mungkin melupakan kita terhadap persoalan bahasa sebagai sebahagian dari perjuangan kita dalam lapangan pelajaran dan pendidikan. Kita harus menyedari hakikat bahawa untuk menjamin kedudukan satu-satu bahasa maka bahasa itu haruslah digunakan dengan seluas-

luasnya dan ini adalah melalui perantaraan pendidikan. Seperti yang kita sendiri maklumi bahasa kita belum pernah menjadi bahasa sains dan teknologi moden. Jika kita meninggalkan sains dan teknologi janganlah hendaknya kita meninggalkan bahasa kita. Jika ini berlaku maka berertilah bahawa setelah kita merdeka ini kita masih lagi meninggalkan bahasa kita sebagai satu-satunya bahasa yang kita jadikan alat perantaraan kebudayaan kita. Kita memang mengakui bahawa sains dan teknologi merupakan pokok dari kebudayaan dunia moden, tetapi kita janganlah melupakan bahawa kita berhasrat untuk menjadikan bahasa kebangsaan kita sebagai asas kebudayaan moden. Oleh itu kita hendaklah menggunakan bahasa kebangsaan kita itu sebagai alat pengantar sains dan teknologi, di samping kita menitikberatkan sains dan teknologi.

## *Daya cipta Bahasa Malaysia dalam Pembentukan Keperibadian Kebangsaan*

*Perbincangan bagaimana pemakaian Bahasa Malaysia (Seperti memberi nama-nama tempat dan bangunan) yang boleh menolong dalam pembentukan Keperibadian Kebangsaan*

PERBINCANGAN ini akan saya bahagikan kepada dua bahagian iaitu:

- (a) teori
- (b) praktik

### *1.0 Teori*

Dalam bahagian ini akan diuraikan konse-konsep tentang

- (a) Bangsa
- (b) Kebudayaan
- (c) Bahasa

#### *1.1 Bangsa*

Dengan bangsa dimaksudkan segolongan manusia yang hidup bermasyarakat, yang berwilayah dan berlandaskan satu kebudayaan, dan mungkin terdiri dari satu atau lebih ras, misalnya yang disebut bangsa Melayu itu adalah sego-

longan manusia yang beragama Islam, yang hidup dengan cara yang tertentu, yang tinggal di Malaysia, dan di antaranya terdapat orang-orang dari ras India, Arab, Cina, Inggeris dan lain-lain (Aryan, Semitic, Mongloid, Dravidian, Anglo-Saxon).

Bangsa Malaysia akan terwujud apabila semua ras di Malaysia ini hidup bermasyarakat dengan berlandaskan satu kebudayaan, yakni di antara beberapa kebudayaan kesukan itu terjelma satu cara hidup yang melampaui batas-batas ras dan perkauman.

### *1.2 Kebudayaan*

Dengan kebudayaan dimaksudkan keseluruhan cara hidup, rohaniah dan jasmaniah, sesebuah masyarakat manusia. Dari segi kandungannya termasuklah perkata-perkara seperti yang terdifinisi oleh Tylor ini:

*"Culture ..... is that complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom and any other capabilities and habits acquired by man as a member of society."*

Di samping itu kebudayaan adalah sesuatu yang dinamis yang berubah-ubah semasa ke semasa. Perubahan ini mungkin berlaku dari dalam secara tersendiri, atau berlaku akibat dari pertembungan di antaranya dengan kebudayaan dari masyarakat lain. Misalnya cara perkahwinan orang-orang Melayu zaman dahulu. Cara sekarang lebih ringkas. Sebabnya mungkin orang-orang Melayu telah terpengaruh oleh cara-cara perkahwinan kebudayaan masyarakat lain yang agak ringkas, atau mungkin kerana perubahan yang telah berlaku kepada masyarakat dan kebudayaan Melayu yang merubah sistem nilai mereka. Umpamanya orang-orang Melayu sudah menggunakan wang dan ini memungkin mereka menilai alam sekitar mereka dari sudut lojik

ekonomi. Kehidupan baru yang bersifat material mewujudkan manusia yang individualis, yang berlumba-lumba mencari kekayaan. Wang digunakan untuk membeli tenaga dan waktu demi untuk menambah wang. Di samping itu wang juga digunakan sebagai alat pengukur dan amat berkuasa.

Menurut teori nilai, kebudayaan itu adalah keseluruhan hasil penilaian manusia yang hidup bermasyarakat dan yang berketurunan. Apa sahaja yang dinilai oleh manusia adalah sebahagian dari kebudayaan manusia itu. Bukan hanya baju, kerusi dan lain-lain seumpamanya dianggap sebagai sebahagian dari kebudayaan, tetapi juga masyarakat itu sendiri, malah hutan di tengah-tengah bandar pun adalah sebahagian dari kebudayaan. Kerana dari semasa ke semasa masyarakat manusia itu menilai kembali masyarakatnya untuk membawa pembaharuan terhadapnya dan hutan di tengah-tengah bandar itu tidak ditebasnya kerana hutan itu bernilai kepadanya dari segi memberikan kepadanya udara yang nyaman di tengah-tengah kesibukan itu. Dari segi teori nilai perubahan kebudayaan itu dapat dilakukan secara sedar dan kedinamisannya bergantung kepada kedinamisan budi serta cara berfikir individu-individu sebuah masyarakat itu.

Dari kenyataan-kenyataan di atas jelaslah bahawa tarian-tarian, irama-irama lagu yang tertentu, jenis-jenis pakaian yang tertentu, silat, wayang kulit, cara-cara perkahwinan bentuk rumah, barang-barang permainan seperti layang-layang dan seumpamanya adalah hanya sebahagian kecil dari kebudayaan sebuah masyarakat itu. Kebudayaan itu bukanlah sesuatu yang statis yang hanya terkumpul di dalam muzium.

### *1.3 Bahasa*

Menurut ahli-ahli antropologi, bahasa itu bukan cuma satu anasir kebudayaan tetapi adalah juga asas segala aktiviti atau kegiatan-kegiatan kebudayaan. Sebagai satu anasir kebudayaan ianya adalah sama seperti baju, seluar dan seumpamanya iaitu sesuatu yang hadir di dalam masyarakat. Tinggal lagi ia adalah bersifat rohaniah iaitu tidak dapat dipegang atau dirasa seperti baju dan seluar tadi.

Bahasa mengalami proses perubahan dari semasa ke semasa dan dalam hal ini ia adalah bersifat dinamis. Jika ditinjau satu-satu bahasa itu pada waktu-waktu yang berlainan akan kedapatan setengah-setengah bunyi baru digunakan, setengah-setengah unsur tatabahasa lama ditinggalkan dan unsur-unsur tatabahasa baharu digunakan, dan setengah-setengah perkataan lama ditinggalkan dan setengah-setengah perkataan baharu digunakan.

Perubahan-perubahan pada bahasa ini rapat sekali perkaitannya dengan perubahan-perubahan yang berlaku pada kebudayaan. Seperti yang telah dikatakan tadi bahasa itu adalah asas segala kegiatan kebudayaan sesebuah masyarakat itu. Untuk bekerjasama menjalankan tugas-tugasnya, anggota sesebuah masyarakat itu menggunakan bahasa. Tipa-tiap satu benda, perkara atau kejadian di dalam sesebuah masyarakat itu adalah terlambang oleh perkataan-perkataan dalam satu-satu bahasa itu. Misalnya perkataan pahlawan dalam bahasa Melayu adalah melambangkan satu-satu benda iaitu manusia yang tertentu di dalam masyarakat Melayu. Perkataan ini membawa tanggapan (konsep) atau makna yang tertentu yang tersiar di dalam kebudayaan orang-orang Melayu. Kepada orang-orang Melayu maksud perkataan pahlawan itu ada kaitannya dengan Hang Tuah misalnya, oleh yang demikian untuk memahami betul-betul konsep orang-orang Melayu tentang pah-

lawan, seseorang itu haruslah mengetahui cerita Hang Tuah. Demikian jugalah dengan idiom-idiom atau perumpamaan-perumpamaan yang terdapat di dalam bahasa Melayu. Jika seseorang itu hendak memahaminya mereka haruslah terlebih dahulu tinggal di dalam masyarakat Melayu dan hidup secara orang-orang Melayu. Kemelayuan seseorang itu sesungguhnya dapat diperhatikan dari segi penggunaan bahasanya. Dalam perhubungan di antara individu-individu dalam masyarakat, bahasa itu bukan hanya alat untuk menyampaikan perasaan. Dalam kehidupan sehari-hari, bahasa sering digunakan semata-mata untuk *phatic-communion* untuk kemesraan di antara sesama manusia tadi.

Ada sarjana-sarjana yang berpendapat bahawa bahasa mempengaruhi cara-cara berfikir serta pandangan dunia pentur-penturnya. Misalnya Whorf, seorang sarjana Amerika, menyatakan:

*"Every language is a vast pattern which is different from others, in which are culturally ordained the form and categories by which the personality not only communicate but also analyse nature, notices or neglects types of relationship and phenomena, channels his reasoning and builds the house of his consciousness."*

Bahasa Melayu misalnya mempengaruhi cara berfikir orang-orang Melayu serta pandangan hidup mereka terhadap alam persekitarannya. Seseorang bayi yang baharu dilahirkan ke dalam masyarakat Melayu itu akan terpengaruh oleh perkataan-perkataan yang membawa konsep-konsep yang terpendam di dalam kebudayaan Melayu itu. Misalnya dari segi kepercayaan, dia akan menemui perkataan-perkataan yang akan membawa konsep-konsep ke Islam. Sikap serta konsep kita terhadap ruang dan waktu adalah sebahagian besarnya dipengaruhi oleh bahasa yang

kita gunakan. Walau bagaimanapun, satu perkara yang harus diingat ialah hakikat bahawa pandangan dunia atau cara berfikir seseorang manusia itu bukanlah pula semata-mata ditentukan oleh bahasa yang dituturnya. Seperti yang telah dihuraikan tadi, manusia itu bebas menilai segala sesuatu yang terdapat di dalam masyarakat atau kebudayaannya dan hasil dari penilaianya dia memperluas atau menyempitkan makna perkataan-perkataan dalam bahasanya, atau hasil penilaianya itu menyebabkan terciptanya perkataan-perkataan baharu di dalam bahasanya.

Ditinjau dari segi lain, bahasa itu adalah kebiasaan-kebiasaan (*habits*) yang berkait erat dengan sistem saraf serta pengalaman manusia yang menuturkannya. Perhatikanlah apa yang berlaku dalam satu-satu keadaan berbahasa, seperti cerita Bloomfield mengenai Jack dan Jill berjalan-jalan di sebuah kebun. Apabila Jill berkata "Jack, tolong ambilkan saya buah epal yang bergayut-gayut itu," sistem sarafnya (Jill) telah tergerak oleh cahaya matahari yang memancar kepada epal itu dan membalik kepada matanya. Apabila sistem sarafnya tergerak, enzymes telah memercik keluar di dalam perutnya sehingga dia terasa lapar atau kepingin hendak memakan epal itu kerana (a) dia telah berpengalaman dengan epal dan (b) dia juga telah berpengalaman dengan Jack, yakni dia telah pernah memakan epal dan Jack telah selalu membantunya dalam kehidupannya. Bunyi-bunyi dari ungkapan kata-kata Jill berjalan melalui udara dan apabila terkena kepada gegendang telinga Jack, sistem saraf Jack tergerak dan Jack akan dengan spontan berkata "Baiklah!" dan terus berjalan atau berlari melompat pagar mengambil epal itu untuk Jill. Hal ini juga adalah kerana pengalaman-pengalaman Jack dengan epal dan dengan Jill.

Dengan lain-lain perkataan bahasa itu rapat sekali kait-

nya dengan seluruh ‘jiwa’ individu dan masyarakat yang menuturkannya. Gerak-geri serta tingkah-laku sering menuruti “alunan suara” kita tatkala kita berbahasa. Apabila seseorang itu sudah sebat dengan kebudayaan Melayu dia akan dapat merasakan perhubungan erat dengan orang-orang Melayu. Misalnya cara seorang isteri Melayu menyebut perkataan ‘abang’ waktu memanggil suaminya akan memberi perasaan yang berbeza apabila isteri dari kebudayaan lain memanggil suaminya dengan menggunakan namanya. Begitu jugalah dengan ungkapan-ungkapan lain seperti “Allah hai ....” yang menimbulkan perasaan kekitaan di kalangan penutur-penutur bahasa Melayu. Dalam bahasa Cina dan Inggeris pun demikian juga, iaitu ada ungkapan-ungkapan yang boleh menimbulkan perasaan bermasyarakat yang amat perlu untuk satu-satu masyarakat itu.

## *2.0 Praktik*

Dalam bahagian ini akan dihuraikan cara-cara bagaimana hendak melaksanakan tujuan menjadikan bahasa itu sebagai pembentuk identiti kebangsaan. Seperti yang telah dihuraikan, bangsa itu adalah berlandaskan kebudayaan dan kebudayaan itu berasaskan bahasa. Dengan lain-lain perkataan bangsa itu boleh dikenal dari bahasa dan kebudayaannya. Untuk bangsa Malaysia yang berbilang ras dan kebudayaan, kita tidak diizin menghapuskan kebudayaan-kebudayaan kesukuan yang ada tetapi kita boleh, menggalakkan wujudnya satu bentuk kebudayaan atau cara hidup yang melampaui batas-batas ras dan perkauman. Misalnya dengan cara menggunakan satu bahasa untuk semua tanpa melenyapkan bahasa-bahasa lain.

Kita membincangkan hubungan di antara identiti kebangsaan dengan bahasa ini bukan kerana Malaysia itu belum ada bahasa Malaysianya, tetapi kerana kita masih me-

lihat bahawa orang-orang Malaysia itu masih belum menggunakan bahasa Malaysia itu dengan seluas-luasnya untuk segala bidang kegiatan masyarakat mereka. Dengan lain-lain perkataan, bahasa Malaysia itu belum berakar umbi di dalam setiap jiwa manusia Malaysia. Weltanschauung atau pandangan dunia bangsa Malaysia belum lagi terjelma di dalam bahasa Malaysia. Manakala Weltanschauung itu adalah sebenarnya asas persefahaman sesebuah masyarakat itu. Sungguhpun bukan semata-mata bahasa yang mempengaruhi pandangan dunia seseorang individu namun dalam konteks Malaysia, ia adalah salah satu dari perkara yang masih tinggal untuk menyatupadukan rakyat.

Perjuangan dalam bidang bahasa ini sesungguhnya masih belum tamat bagi rakyat Malaysia. Bahasa Malaysia masih dalam keadaan transisi. Ada tiga jenis transisi yang dialaminya. Pertamanya ialah transisi bentuk iaitu dari bentuk bahasa Melayunya kepada bentuk bahasa Malaysia, keduanya transisi penggunaan iaitu dari menjadi asas kebudayaan bangsa Malaysia, dan ketiganya transisi dalam menggantikan peranan bahasa Inggeris.

Jadi perkara yang paling penting yang harus diperhatikan dahulu ialah supaya tiap-tiap rakyat Malaysia itu (kecuali yang tua-tua) menuturkan bahasa Malaysia dengan seluas-luasnya dalam segala kegiatan kehidupan mereka dari sehari ke sehari. Ini akan hanya dapat tercapai dengan cara pengajaran dan pemeriksaan yang tertentu melalui pelajaran dan pendidikan di sekolah-sekolah, maktab-maktab dan universiti. Tiap-tiap murid sekolah itu hendaklah digalakkan menuturkan bahasa Malaysia kerana seperti yang dinyatakan di dalam bahagian lain tadi bahasa itu tidak lain adalah kebiasaan-kebiasaan (*habits*) yang berkait rapat dengan sistem saraf dan pengalaman manusia. Untuk menjamin supaya hubungan bahasa dan sistem saraf serta

pengalaman manusia berkait erat, maka bahasa itu haruslah dipraktikkan setiap waktu di dalam pertuturan ahli-ahli masyarakatnya. Perhatikanlah bagaimana eratnya hubungan di antara bahasa Inggeris dengan sistem saraf orang-orang yang mempelajari bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di zaman Inggeris dahulu. Mereka sering menuturkan bahasa Inggeris walaupun teman yang mereka lawan bercakap itu adalah orang-orang Melayu sendiri atau orang-orang yang tahu menuturkan bahasa Melayu. Hal ini berlaku tidak lain adalah kerana murid-murid pada zaman itu dipaksa bertutur dalam bahasa Inggeris. Jika murid-murid tidak menuturkan bahasa Inggeris, mereka didenda. Yang anehnya, pada ketika itu sekolah-sekolah Inggeris tidak sedikit pun mempertimbangkan penuturan bahasa Melayu yang sesungguhnya berupa bahasa rasmi yang kedua pada waktu itu. Sekurang-kurangnya iktiraflah ia sebagai bahasa perhubungan di kalangan rakyat jelata.

Di dalam sesebuah masyarakat itu terdapat tempat-tempat dan golongan-golongan yang berprestij. Misalnya dalam bidang pelajaran, tempat-tempat yang berprestij adalah maktab-maktab dan universiti-universiti, dan golongan-golongan yang berprestij ialah mahaguru-mahaguru. Oleh yang demikian ada baiknya jika bahasa tempat-tempat dan golongan-golongan ini digantikan dengan bahasa Malaysia. Hanya dengan cara ini bahasa Malaysia itu akan memperoleh prestij dari segi penggunaan bahasa Malaysia di tempat-tempat yang berprestij ini dengan seberapa segeranya. Hal ini penting demi untuk pelaksanaan dasar bahasa Malaysia.

Di samping itu peguam-peguam, doktor-doktor, arkitek-arkitek, guru-guru, kerani-kerani dan lain-lain seumpamanya adalah golongan-golongan yang memainkan peranan penting di dalam masyarakat. Mereka adalah orang-orang

cendekiawan masyarakat yang mempunyai kedudukan istimewa yang diidam-idamkan oleh golongan masyarakat lain. Sekarang ini, pada umumnya bahasa mereka adalah bahasa Inggeris. Mereka bukan hanya menuturkan bahasa Inggeris di dalam bidang pekerjaan mereka, tetapi juga menuturkannya sebagai bahasa perhubungan kekeluargaan dan perhubungan sosial. Dengan lain-lain perkataan bahasa Inggeris itu telah menjadi bahasa ibu atau bahasa pertama kepada anak-anak golongan ini. Jika kita mahu menjamin perkembangan dan kemajuan bahasa Malaysia maka kita haruslah mencari jalan bagaimana orang-orang dari golongan ini akan menggunakan bahasa Malaysia dalam pertuturan mereka. Lagipun hanya golongan ini yang dapat menggunakan bahasa Malaysia baru dengan istilah-istilah baru yang telah diciptakan itu, kerana hanya mereka yang memahami dan yang dapat menggunakan konsep-konsep yang dibawa oleh istilah-istilah itu.

Orang-orang Melayu hendaklah sentiasa menuturkan bahasa Malaysia dalam kehidupan sehari-hari mereka. Jika orang-orang Melayu tidak mula menuturkannya, siapa lagi? Kita harus menyedari hakikat bahawa bahasa Latin, Yunani dan Sanskrit itu adalah bahasa-bahasa yang sudah mati kerana sudah tidak dituturkan lagi.

Bahasa Melayu yang dituturkan itu pula haruslah bahasa Melayu yang baik walaupun mereka bertutur dengan orang-orang bukan Melayu. Wujudnya bahasa Melayu Pasar itu adalah kerana orang-orang Melayu itu sendiri yang menyesuaikan pertuturnya dengan orang-orang bukan Melayu itu. Bahasa, seperti yang telah dikatakan tadi adalah kebiasaan-kebiasaan dan jika kita membiasakan diri bertutur dalam bahasa yang baik, maka orang-orang Melayu itu akan biasa mendengar pertuturan yang baik untuk mereka ajuki. Lihatlah keadaan di setengah-setengah negeri

seperti di Kelantan dan Trengganu di mana orang-orang bukan Melayu dapat menuturkan bahasa Melayu itu sefasih orang-orang Melayu.

Radio dan Televisyen hendaklah mengumandangkan sebanyak mungkin bahasa Malaysia di udara supaya orang-orang bukan Melayu dilazimkan mendengar sistem bunyi bahasa Malaysia. Dengan itu akan tergeraklah sistem saraf mereka dan lama-kelamaan, insya Allah, akan berlazimlah mereka dengan kebiasaan-kebiasaan bahasa Malaysia. Dalam hal ini perhatikanlah seseorang bayi yang baharu lahir itu. Dia sering terdedah kepada bunyi-bunyi bahasa ibunya sehingga pada suatu hari, dengan cara mendengar dan mengajuk, dia dapat menguasai bahasa ibunya itu. Dari kenyataan-kenyataan di atas dapatlah disimpulkan bahawa yang penting ialah mewujudkan suasana berbahasa Malaysia. Ini haruslah dimulakan oleh orang-orang Melayu itu sendiri. Besar kesannya jika di setiap saat, di segenap bidang, bahasa Malaysia itu mereka tuturkan. Hanya dengan cara menuturkannya baru kita dapat menjamin bahawa bahasa Malaysia itu akan terus kekal sebagai bahasa yang memberikan bangsa Malaysia itu identitinya. Pernah saya didatangi oleh pelawat-pelawat dan sarjana-sarjana asing yang benar-benar bertekad hendak menguasai bahasa Malaysia kerana hendak bergaul mesra dengan penduduk-penduduk di Malaysia. Tetapi setelah beberapa jam sahaja tiba di sini mereka berasa bahawa mereka tidak perlu mempelajari bahasa Malaysia untuk tujuan itu kerana orang-orang di sini menguasai dan sentiasa menggunakan bahasa yang digunakannya. Dia dengan serta merta berasa bahawa dia berada di negaranya sendiri.

Kita memang telah pernah menyedari hakikat pentingnya menuturkan bahasa Malaysia itu demi untuk perkembangan dan pertumbuhannya. Kita telah pernah membe-

lanjakan tenaga, wang dan waktu begitu banyak demi untuk kempen-kempen bahasa kebangsaan pada suatu ketika dahulu. Tetapi sekarang ini kita seolah-olah telah terlupa akan hakikat itu.

Untuk perkembangan bahasa Malaysia selanjutnya, bangsa Malaysia itulah yang sebenarnya harus menjadi jiwa kepada bahasa Malaysia. Maju bangsa Malaysia dalam menggunakan bahasanya, majulah Malaysia. Melengkapkan bahasa itu dengan istilahnya, belum menjamin kemajuan bahasa itu. Ianya mestilah digunakan oleh golongan-golongan masyarakat tertentu yang menuturkannya dalam segala bidang kehidupan mereka.

Tiap seorang dari kita bercita-cita hendak menjadikan kebudayaan Melayu sebagai teras kebudayaan kebangsaan. Hal ini insya Allah akan dapat kita capai asalkan kita sentiasa berpandukan kepada Perlembagaan negara dan kepada Rukunegara. Di dalam perlumbagaan telah dinyatakan bahawa bahasa rasmi negara ini adalah bahasa Melayu dan agama rasmi negara ini adalah agama Islam. Kita tidak boleh lari dari perkara-perkara ini. Apa yang patut kita lakukan hanyalah melaksanakannya. Seperti telah dinyatakan tadi, bangsa itu adalah berlandaskan kebudayaan dan kebudayaan itu berasaskan bangsa.

Mulalah dengan menjadikan bahasa Malaysia itu bahasa pertuturan sehari-hari.

## *Teori Nilai dan Revolusi Mental*

WAKTU yang akhir-akhir ini, dengan perantaraan ruangan-ruangan akhbar dan majalah-majalah, telah terbit tulisan-tulisan tentang revolusi mental. Berbagai-bagai pendapat dan tanggapan tentang maksud *revolusi mental* itu telah dikemukakan. Dalam karangan ini saya akan mencuba pula menghuraikan revolusi mental ini dari sudut teori nilai. Huraian ini akan dibuat menurut pembahagian berikut:

- (a) Teori nilai—satu pendahuluan sebagai latarbelakang.
- (b) Maksud revolusi mental dari segi teori nilai.
- (c) Revolusi mental dalam keperihalan masyarakat Malaysia.
- (d) Cara-cara untuk melaksanakan revolusi mental.
- (e) Penutup.

### **Teori nilai—satu pendahuluan sebagai latarbelakang\***

Ahli-ahli teori nilai seperti Takdir Alisjahbana dan Spranger menyebutkan enam jenis nilai, iaitu nilai ekonomi, nilai teori, nilai kuasa, nilai kesolideran, nilai agama dan nilai estetika. Keenam-enam jenis nilai ini terdapat pada individu, pada kumpulan individu dan pada masyarakat umum dalam sistem-sistem atau susunan-susunan yang tertentu. Sistem nilai pada individu A mungkin berbeda dengan sistem nilai pada individu B. Begitu juga dengan

\*Saya tidak berlaku adil pada ahli-ahli teori nilai jika tidak menyatakan di sini bahwa huraian ini adalah suatu huraian yang ringkas yang menyentuh garis-garis kasarnya saja.

masyarakat: sistem nilai pada masyarakat A mungkin berbeda dengan sistem nilai pada masyarakat B. Pada sistem nilai individu atau masyarakat A, nilai ekonomi mungkin terletak di atas sekali, manakala pada sistem nilai individu atau masyarakat B, nilai agama menduduki tempat yang tertinggi. Di kalangan individu atau masyarakat yang berkemuncakkan nilai ekonomi masih terdapat pula perbedaan-perbedaan dari sudut nilai-nilai yang menduduki tempat kedua, ketiga dan seterusnya, dalam sistem-sistem nilai individu-individu atau masyarakat-masyarakat itu.

Berdasarkan sistem-sistem nilai ini, ahli-ahli teori nilai membagikan individu-individu dan masyarakat-masyarakat kepada jenis-jenis yang tertentu. Misalnya individu yang sistem nilainya berpuncakkan nilai ekonomi dijeniskan sebagai individu ekonomi. Individu ini dikatakan melihat atau menilai sesuatu dengan menggunakan logika ekonomi. Masyarakat yang sistem nilainya berpuncakkan nilai agama dijeniskan sebagai masyarakat agama dan masyarakat ini akan melihat atau menilai sesuatu dengan menggunakan logika agama. Misalnya, jika sistem nilai masyarakat Melayu berpuncakkan nilai agama, maka kemungkinannya ialah bahawa orang-orang Melayu melihat harta kekayaan itu sebagai sesuatu yang tidak kekal dan tidak perlu dikumpulkan. Menurut logika agama, yang kekal adalah akhirat.

Seperti yang telah dinyatakan di atas tadi, individu, atau masyarakat-masyarakat yang berpuncakkan satu-satu nilai itu masih berbeda-beda di antara yang satu dengan yang lain menurut kedudukan nilai-nilai yang mengikutnya. Ini bererti bahawa jenis-jenis individu satu masyarakat manusia bukanlah cuma enam jenis saja.

Manusia atau individu dapat menilai kerana ia mempunyai *budi*. Dengan *budinya* manusia menilai benda-ben-

da, perkara-perkara dan kejadian-kejadian yang ada di alam sekitarnya.

Budi manusia ini berkembang dan boleh diperkembangkan melalui bahasa dan kebudayaan sesuatu masyarakat. Manusia yang dibesarkan dalam masyarakat yang sistem nilainya berpuncakkan nilai ekonomi akan mengalami bahasa dan kebudayaan yang 'bercorak' ekonomi. Kemungkinannya ialah bahawa budi manusia ini akan mempunyai logika ekonomi.

Tentang kebudayaan, ahli-ahli teori nilai memberikan satu definisi yang amat luas. Kebudayaan, menurut ahli-ahli teori nilai seperti Takdir, merupakan semua penghasilan dari penilai manusia. Ini bererti bahawa segala yang dinilai oleh manusia, baik benda maupun perkara atau kejadian, merupakan sebahagian daripada kebudayaan manusia itu. Dalam hal ini masyarakat manusia itu sendiri pun adalah sebahagian dari kebudayaan manusia itu kerana manusia dari waktu ke waktu menilai kembali keadaan masyarakatnya.

Kebudayaan-kebudayaan manusia boleh juga dibahagikan kepada jenis-jenis yang tertentu menurut sistem-sistem nilai yang tertentu. Takdir menyebut dua jenis kebudayaan yang pokok, iaitu kebudayaan *progresif* (kebudayaan yang sistem nilainya berpuncakkan nilai ekonomi dan nilai teori), dan kebudayaan *expressive* (kebudayaan yang sistem nilainya berpuncakkan nilai agama dan nilai estetika).

Menurut teori nilai, konflik-konflik pada individu, pada masyarakat, pada kebudayaan, atau konflik-konflik di antara individu dengan individu, di antara individu dengan masyarakat, di antara masyarakat dengan masyarakat, di antara kebudayaan dengan kebudayaan, sebenarnya disebabkan oleh perbedaan dan pertelingkahan di antara nilai-nilai. Pada peringkat individu misalnya, konflik berlaku

apabila individu itu ada di dalam keadaan di mana ia terpaksa memilih, umpamanya di antara menonton wayang gambar (nilai estetika) dan membaca buku (nilai teori). Individu yang tabah peribadinya akan dapat mengelakkan konflik-konflik ini. Individu yang tabah peribarinya itu ialah individu yang utuh sistem nilainya.

Konflik-konflik di antara individu atau kumpulan individu dengan masyarakat, di antara masyarakat dengan masyarakat atau di antara kebudayaan dengan kebudayaan berlaku apabila sesuatu golongan itu, individu atau masyarakat, hendak memaksakan sistem nilainya ke atas golongan lain. Misalnya, sering terdapat golongan-golongan individu Melayu yang telah mendapat pendidikan moden, yakni yang sering dinamakan kaum muda, berkonflik dengan masyarakatnya yang mengandung banyak kaum tua. Malah perbincangan tentang revolusi mental yang dipelopori oleh golongan yang terpelajar ini pun adalah pada hakikatnya penjelmaan perbedaan nilai di antara golongan ini dengan golongan orang-orang Melayu yang sebahagian besarnya masih tradisional. Jika pelaksanaan revolusi mental dijalankan dengan tidak berancang maka akan timbul pula konflik-konflik di antara golongan-golongan ini.

#### Maksud revolusi mental ditinjau dari sudut teori nilai

'Revolusi' dalam ertiannya yang luas ialah 'perubahan yang besar lagi radikal yang berlaku kepada sesuatu'. Ini bertentangan dengan 'evolusi', iaitu perubahan yang berlaku secara berangsur-angsur dalam jangka waktu yang panjang. Perubahan secara evolusi tidak disedari berlakunya.

Perkataan 'mental' itu berasal dari perkataan Inggeris 'mind' yang diambil oleh Takdir sebagai 'budi' dalam bahasa Melayunya. Seperti yang telah diuraikan, dengan *budinya*alah manusia menilai segala benda, perkara dan ke-

jadian yang ada di alam sekitarnya. Budi manusia ini dapat berkembang dan diperkembangkan melalui bahasa dan kebudayaan sesebuah masyarakat.

Oleh itu, jika didefinisikan 'revolusi mental' dari sudut teori nilai adalah 'perubahan cepat kepada perkembangan budi manusia supaya manusia itu dapat menilai dengan lebih radikal dengan menggunakan logika nilai-nilai yang dikehendaki'. Dengan 'radikal' di sini dimaksudkan bebas dari tekanan-tekanan yang mungkin terbit dari norma-norma atau nilai-nilai lama masyarakat di mana revolusi mental itu berlaku.

### Revolusi mental dalam keperihalan masyarakat Malaysia

Revolusi sering berlaku apabila perubahan-perubahan secara evolusi yang diharap-harapkan berlaku dalam jangka waktu yang tertentu tak kunjung tiba. Di Malaysia Barat ini, perubahan yang lebih besar telah dan masih diharapkan berlaku kepada masyarakat Melayu khasnya dalam jangka waktu lima belas tahun selepas merdeka kerana, menurut perlumbaan Malaysia, dalam tahun 1972 hak-hak istimewa orang-orang Melayu akan dikaji semula. Sekarang sepuluh tahun telah berlalu dan mungkin, secara disedari atau tak disedari, orang-orang seperti mereka yang membincangkan revolusi mental ini mendapati perubahan-perubahan yang telah berlaku terhadap masyarakat Melayu itu tidak memuaskan. Sungguhpun kerajaan telah berusaha memberikan aspek-aspek material dari kebudayaan, tetapi keadaan rakyat, terutamanya dalam bidang ekonomi, masih tidak berubah. Maka itulah, pada hemat saya, golongan ini memikirkan perlu diadakan satu revolusi, iaitu revolusi mental ini.

Tetapi kita harus mengetahui dengan lebih tegas apakah tujuan revolusi mental ini dan siapakah yang menjalani re-

volusi mental ini.

Dari karangan-karangan yang telah tersiar di majalah-majalah dan di akhbar-akhbar ternyata bahawa revolusi mental ini bertujuan untuk mengubah sikap, pandangan serta cara berfikir rakyat supaya mereka dapat membaiki kehidupan mereka. Saya menarik kesimpulan ini kerana revolusi mental ini oleh kebanyakan penulis-penulis itu seolah-olah ditujukan kepada orang-orang Melayu yang secara kebetulan di dalam keadaan serba mundur. Tetapi tujuan utama dari revolusi mental ini, dalam keperihalan Malaysia seluruhnya, mungkin untuk mencapai keharmonian hidup di antara kaum-kaum dengan harapan semoga akhirnya kelak terwujud satu rupa bangsa Malaysia yang tulen. Penggembangan rupa bangsa sebagai tujuan utama dalam pembinaan negara Malaysia memang telah ternyata dalam beberapa dasar kerajaan yang memerintah Malaysia pada hari ini.

Jika tujuan utama dari revolusi mental ini ialah penggembangan satu rupa bangsa Malaysia yang tulen, maka revolusi ini tidaklah harus ditujukan kepada golongan masyarakat Melayu saja. Revolusi mental ini pada hemat saya haruslah ditujukan kepada masyarakat Malaysia seluruhnya dengan tidak mengira kaum bangsa, kaya miskin atau maju mundur. Kerana penggembangan satu rupa bangsa Malaysia adalah pada hakikatnya tidak lain dari mempersatukan sistem nilai masyarakat Malaysia seluruhnya. Dalam waktu pembangunan ini tujuan kita ialah untuk mencari atau memperoleh satu sistem nilai yang sama untuk seluruh masyarakat. Sistem nilai yang berbeda-beda akan menimbulkan konflik-konflik dan pertentangan-pertentangan di antara kaum.

Memang benar bahawa tidaklah mungkin untuk memperoleh satu masyarakat yang seratus peratus sama sistem

nilainya. Tetapi usaha kita haruslah menuju ke arah pencapaian sistem nilai yang sama itu kerana hanya dengan jalan itu barulah kita sekurang-kurangnya dapat mengelakkan atau mengurangkan kemungkinan berkonflik dan bersengketa. Di kalangan orang-orang Cina sendiri pun terdapat berbagai-bagai suku yang berbeda-beda sikap dan pandangannya. Tetapi berbandingan dengan kaum Melayu dan India, persamaan lebih banyak terdapat di antara suku-suku dalam kaum Cina itu sebagai satu keseluruhan.

Dalam keperihalan dunia sekarang ini, kebudayaan yang progresif adalah kebudayaan yang sistem nilainya berpuncakkan nilai ekonomi dan nilai ilmu. Dalam pembangunan masyarakat-masyarakat yang kurang maju, matalamatnya nampaknya menuju ke arah pencapaian kebudayaan yang progresif ini. Masyarakat Malaysia pun haruslah menuju ke arah ini, iaitu untuk mencapai satu sistem nilai yang sama dengan masyarakat-masyarakat yang berkebudayaan progresif ini.

#### Cara-cara untuk melaksanakan revolusi mental

Seperti yang telah berkali-kali dinyatakan, masyarakat Malaysia adalah masyarakat yang berbilang kaum. Tiap-tiap kaum itu mempunyai sistem nialinya sendiri. Tetapi untuk penggembangan satu rupa bangsa Malaysia yang tulen, perbedaan-perbedaan pada sistem-sistem nilai ini mestilah sedapat mungkin dihapuskan. Satu sistem nilai yang sama bagi masyarakat seluruhnya mestilah diwujudkan. Soal yang timbul sekarang ialah bagaimanakah satu sistem nilai yang sama ini dapat diwujudkan?

Untuk mewujudkan satu sistem nilai yang sama ini, pada hemat saya, kita terpaksa melihat kaum-kaum ini sebagai unit-unit atau kesatuan-kesatuan masyarakat yang berasingan. Kita harus terlebih dulu mengetahui sistem nilai kaum

Melayu, sistem nilai kaum Cina dan seterusnya. Ini dapat dilakukan dengan mengadakan penyelidikan-penyalidikan.

Selepas ini baharulah ditentukan pula apakah sistem nilai yang hendak diwujudkan dalam masyarakat Malaysia seluruhnya. Kalaulah masyarakat Malaysia mahu mewujudkan masyarakat yang progresif, yakni masyarakat yang sistem nilainya berpuncakkan nilai ekonomi dan nilai teori, maka hendaklah dipupuk nilai-nilai ini ke dalam sistem nilai masyarakat yang kurang dari segi nilai-nilai ini. Misalnya, jika pada sistem nilai orang Melayu nilai ekonomi dan nilai teori agak di bawah, maka nilai ekonomi haruslah 'diperkembangkan' pada sistem nilai orang-orang Melayu.

Jadi perkara yang penting untuk diperhatikan di sini ialah bahawa kita tidak perlu mengurangkan nilai ekonomi dan nilai teori pada sistem nilai satu-satu kaum bangsa itu, katakanlah kaum Cina yang memang lebih progresif dalam bidang ekonomi dan pelajaran. Tindakan mengurangkan nilai-nilai tertentu pada satu-satu masyarakat yang sudah maju itu akan menimbulkan reaksi kerana logika fikiran satu-satu masyarakat itu sukar diubah. Apa yang mungkin dilakukan ialah memberikan logika baru kepada masyarakat yang lain, yang kurang maju itu.

Manusia merupakan binatang yang hidup dengan kebiasaan-kebiasaan dan dengan logika-logikanya yang tertentu. Mereka, terutamanya golongan-golongan yang berkepentingan di dalam masyarakat, tidak suka mengubah cara hidup mereka dengan cara yang radikal. Misalnya, orang-orang tengah akan menentang sebarang undang-undang yang akan menyekat pergerakan-pergerakan mereka. Padahal undang-undang ini mungkin akan dapat menyekat gejala-gejala yang tidak sihat untuk perkembangan ekonomi kampung yang penuh dengan penindasan dan sebagainya.

Tetapi soalnya apakah cuma undang-undang akan meng-

hapuskan gerakan-gerakan orang tengah ini? Tidakkah lebih baik ‘menguatkan’ mangsa-mangsa orang tengah itu dengan memberikan kepada mereka logika-logika nilai baru daripada kita bertindak sebagai pelindung atau penyelamat kepada mereka? Kerana, selama manakah kita akan dapat kekal menjadi penyelamat atau pelindung?

Di sini ternyata bahawa dalam melaksanakan revolusi mental ini kita memerlukan pimpinan yang tidak saja kuat tetapi yang mempunyai kebijaksanaan. Kita tidak saja mahu akan pimpinan yang berkata ‘jahanamlah orang-orang tengah’, tetapi juga yang dapat memberikan cara-cara yang sesuai seperti memberikan logika-logika baru kepada mangsa-mangsa orang tengah itu supaya mereka tidak terpedaya. Dengan jalan ini kita akan dapat melaksanakan revolusi mental ini tanpa pergeseran, tanpa masalah-masalah yang rumit dalam masyarakat.

Katakanlah sekarang kita sudah mempunyai pimpinan yang kuat lagi bijaksana ini dan katakanlah kita sudah tahu bahawa sistem nilai orang-orang Melayu itu berpuncakkan nilai agama dan nilai estetika dan bukan nilai ekonomi atau nilai teori. Kita mahu ‘memperkembangkan’ budi orang-orang Melayu supaya mereka dapat menilai dengan menggunakan logika-logika ekonomi dan ilmu. Soal yang timbul pula ialah bagaimanakah cara memperkembangkannya?

Cara yang sebaik-baiknya, pada hemat saya, ialah mengubah suasana bahasa dan kebudayaan Melayu melalui:

- (a) Pendidikan formil.
- (b) Mass media.

Bahasa dan kebudayaan ini rapat sekali hubungannya di antara yang satu dengan yang lain. Bahasa bukan hanya anasir kebudayaan, tetapi adalah asas segala pergerakan kebudayaan. Perubahan pada kebudayaan pasti akan mem-

bawa perubahan pada bahasa, dan sebaliknya. Perkataan-perkataan baru akan membawa tanggapan-tanggapan baru dan inilah yang membawa perubahan kepada pandangan, dan sikap individu-individu itu untuk seterusnya membawa perubahan pula kepada kebudayaan. Di sini saya petik Takdir Alisjahbana:

'... bukan hanya dunia kelihatan sebagai suatu susunan yang bersistem melalui lambang-lambang, tetapi lambang-lambang itu sendiri mempunyai satu sistem, seperti yang terdapat pada bahasa-bahasa manusia. Bahasa sebagai sistem lambang-lambang yang paling asas dan luas tidak hanya menjelaskan keseluruhan sistem notion-notion dan ide-ide dalam kebudayaan, tetapi sebagai fenomena-fenomena fizikal bunyi juga membentuk satu sistem. Nahu membayangkan antara hubungan yang mungkin di antara notion-notion dan fikiran-fikiran dalam bahasa.'

Pendidikan formil adalah pendidikan yang diberikan secara langsung melalui sekolah-sekolah, maktab-maktab, universiti-universiti. Jika pengluasan pendidikan formil untuk orang-orang Melayu dapat dipercepat maka berertilah perkembangan budi manusia Melayu itu dapat dipercepat juga.

Isi pendidikan formil yang terkandung di dalam sukatan pelajarannya dapat disesuaikan dengan nilai-nilai yang ditamakan. Misalnya untuk memupuk nilai teori, kita haruslah memperbanyak mata pelajaran-mata pelajaran sains dan ilmu pasti, dan untuk memupuk nilai ekonomi kita haruslah memperbanyak mata pelajaran-mata pelajaran ekonomi dan perdagangan.

Cara untuk memperluas pendidikan formil ini ialah tidak lain dari memberikan kesempatan sebanyak mungkin kepada ahli-ahli masyarakat untuk memperolehnya. Ini

bererti lebih banyak sekolah-sekolah, maktab-maktab, universiti-universiti beserta dengan tenaga-tenaga pengajarnya haruslah disediakan. Kesempatan-kesempatan yang lebih banyak dan yang lebih khusus hendaklah diberikan kepada golongan masyarakat yang mundur di dalam tiap-tiap lapangan itu. Pembinaan maktab teknologi MARA untuk orang Melayu memang wajar dan kaum-kaum lain yang telah maju seharusnya jangan harus menaruh cemburu terhadap hal ini. Begitu juga dengan memberikan keutamaan kepada orang-orang Melayu untuk memasuki universiti atau pengajian tinggi adalah sesuatu yang wajar dilakukan dalam keperihalan masyarakat Malaysia sekarang ini. Kesempatan-kesempatan seumpama ini harus diperbanyak dan jika mungkin beberapa buah maktab MARA harus dibuka lagi.

Pendidikan formil sesungguhnya bererti penanaman modal. Melalui pendidikan formil bahasa masyarakat itu akan berubah. Tanggapan-tanggapan baru akan bertambah dan dengan itu kebudayaan mereka akan mudah berubah. Mereka akan memahami dan dapat menerima perubahan-perubahan yang berlaku di dalam kebudayaan mereka itu.

Mass media seperti radio, televisyen dan suratkhabar-suratkhabar merupakan saluran-saluran pemberitahuan. Melalui mass media ini berbagai berita dan kenyataan dapat disampaikan kepada masyarakat umum pada sepanjang masa. Melalui saluran-saluran ini bukan hanya pengetahuan am masyarakat yang dapat diperlengkap dari waktu ke waktu, tetapi berbagai jenis pelajaran khusus tentang kehidupan masyarakat itu dapat dirancangkan.

Kerajaan Malaysia sekarang ini memang ada menggunakan saluran-saluran ini untuk menyampaikan pelajaran kepada masyarakat, tetapi, pada hemat saya, masih jauh dari mencukupi. Ambil sajalah perkhidmatan Televisyen Ma-

laysia. Kebanyakan dari rancangan-rancangan yang disiaran pada tiap-tiap hari bercorak hiburan. Rancangan seperti seni budaya Melayu memang disukai oleh orang-orang Melayu kerana nilai mereka yang tertinggi adalah (mungkin) nilai estetika. Tetapi soalnya bukankah kita mestilah memupuk nilai ekonomi dan nilai teori, yang merupakan nilai-nilai yang menguasai kebudayaan dunia moden kepadanya kaum Melayu?

Tak perlu diperkatakan dengan panjang lebar kerana ternyata bahawa mass media, baik secara langsung maupun secara tak langsung, amat berpengaruh di kalangan masyarakat. Oleh yang demikian pemikiran yang lebih mendalam tentangnya amat perlu jika mass media hendak dijadikan sebagai salah satu alat dalam revolusi mental ini.

Di samping saluran-saluran yang telah dinyatakan di atas, ada lagi satu saluran yang saya kira amat penting untuk mengubah fikiran dan pandangan masyarakat, iaitu karya-karya sastera. Ini juga tidak perlu diperkatakan dengan panjang lebar. Di dalam hasil-hasil karya mereka, penulis-penulis, terutama yang menganut fahaman seni untuk masyarakat, meneliti dan memperhatikan segala sesuatu tentang masyarakat dengan kesedaran dan ini sebaliknya akan menimbulkan pula kesedaran di kalangan pembaca-pembaca.

### Penutup

Saya harap, dengan penggunaan teori nilai ini kita dapat, sekurang-kurangnya untuk permulaan, memberikan definisi tentang revolusi mental. Dengan menggunakan teori nilai juga kita dapat, sungguhpun pada peringkat teori, memahami tujuan dengan panjang lebar. Di dalam perlu diadakan dalam masyarakat dan bagaimana cara-cara yang harus dilakukan untuk melaksanakannya.

## *Siapakah Sebenarnya Musuh Melayu Sekarang?*

MUSUH utama kita di dunia hari ini ada tiga, iaitu komunis, Zionis dan orang-orang yang munafik. Ketiga-tiga golongan ini menganuti fahaman yang boleh memusnahkan ummat manusia.

Mereka adalah lebih berbahaya daripada bom atom yang apabila diletupkan akan membunuh orang-orang di persekitarannya dengan serta merta.

Lain halnya dengan fahaman ketiga-tiga golongan musuh ini. Mereka akan membawa azab dan penderitaan yang tak terhingga, yang boleh membunuh secara beransur-ansur ke manusiaan itu sendiri.

Syukurlah bahawa pemimpin-pemimpin kita menyedari hakikat ini dan seringlah sudah mereka melaung-laungkan cogankata-cogankata yang menentang fahaman itu.

Mudah-mudahan dengan laungan cogankata yang memperlihatkan sikap anti-komunis dan anti-Zionis ini, terutamanya pihak musuh akan sedar bahawa kita tidak dapat menerima fahaman mereka.

Orang-orang Melayu yang menuturkan bahasa Melayu, menganuti agama Islam dan hidup secara orang-orang Melayu yang berlandaskan agama Islam adalah suatu kesatuan bangsa yang penting sekali di dunia ini.

Melayu bukanlah perkauman sifatnya. Konsep Melayu

itu adalah suatu konsep yang terbuka, yang boleh dimasuki oleh sesiapa saja asalkan dia mempunyai ciri-ciri yang mendefinisikan bangsa Melayu itu.

Oleh yang demikian, kesedaran tentang hal ini mestilah dijawab oleh bangsa Melayu itu sendiri terlebih dulu. Mereka haruslah menyedari hakikat bahwa mereka itu sebenarnya adalah mendukung sesuatu konsep yang tertentu, yang melampaui batas-batas ras.

Hakikat bahwa sesiapa saja boleh menjadi Melayu asalkan dia menganuti ketiga-tiga ciri ini menjadikan bangsa Melayu itu suatu bangsa yang sukar dipersalahkan oleh sesiapa kerana tidak ada sesuatu yang dapat melarang manusia lain daripada mengikuti mereka.

Berdasarkan kepada konsep Melayu inilah maka pihak komunis, Zionisme dan munafik itu khususnya menjadi musuh ketat bangsa Melayu.

Betapa tidak! Komunis akan menghapuskan agama dari masyarakat manusia. Mereka tidak percaya pada wujudnya Allah. Mereka menganggap kepercayaan kepada Allah itu sebagai tahlil semata-mata. Oleh yang demikian, mereka tidak mau masyarakat yang beragama di muka bumi ini.

Dalam hubungan ini, jelaslah bahwa orang-orang Melayu yang identitinya tergantung kepada agama, berada dalam keadaan terancam apabila berdepan atau berdampingan dengan komunis.

Mereka akan senantiasa ditindas dan apabila hapus agama mereka, maka mereka tidak lagi dapat dianggap sebagai Melayu yang berperadaban tinggi, yakni yang hidup bermoral, berlandaskan agama Islam yang sempurna lagi maha suci.

Zionisme pula adalah fahaman kaum Yahudi yang mencuba menguasai dunia ini atas alasan-alasan keyahudian

yang amat keterlaluan. Mereka adalah sebuah masyarakat atau bangsa yang tertutup, yang tiada dapat dimasuki oleh bangsa atau ras lain.

Oleh yang demikian, mereka menganggap diri mereka sebagai suatu ras yang 'super', yang tidak sama dengan manusia lain. Inilah yang telah mendorongkan mereka membina bangsa mereka demi bangsa mereka sendiri saja. Mudah-mudahan fahaman Zionisme ini tidak meninggalkan apa-apa kesan kepada masyarakat kita.

Ada pun orang-orang yang munafik itu adalah orang-orang yang mengakui diri mereka Muslimin tetapi tidak menghayati kehidupan yang berlandaskan kehendak-kehendak Al-Quran. Mereka ini adalah lebih berbahaya daripada dua musuh yang tersebut di atas.

Bahaya sifat munafik itu bukan hanya kepada masyarakat sebagai suatu kesatuan tetapi juga kepada individu itu sendiri. Kerana ia melibatkan perasaan dan hubungan di antara manusia yang bersifat kemanusiaan. Tidak dapat dinafikan bahwa salah satu dari sifat munafik itu, iaitu berbohong, boleh membawa porak peranda kepada negara.

Hidup beragama yang percaya kepada wujudnya Allah adalah sesuatu yang mutlak bagi umat manusia. Seperti yang diketahui umum manusia itu tidak sama dengan malaikat, sungguhpun ia boleh melebihi malaikat.

Manusia tidak boleh berdiri sendiri dengan bebas dan merdeka. Dia memerlukan kuasa untuk mengimbangi keadaan yang sentiasa bergolak dan berubah-ubah, sama ada secara tersendiri menurut sifat alam ataupun yang disebabkan oleh manusia itu sendiri.

Dalam hubungan ini ia akan senantiasa memerlukan bantuan dan perlindungan. Misalnya, seorang manusia yang menghadapi satu-satu masalah yang sulit sekali yang bersabitan dengan hidup ataupun mati akan meminta bantuan

daripada Allah.

Lazimnya permintaan mereka dikabulkan dan mereka akan merasa aman dan harmoni. Permintaan daripada Allah itu adalah tiada hadnya atau berhingga, sungguhpun untuk meluluskan bukanlah satu perkara yang mesti dari-pada pihakNya (Allah).

Agama adalah suatu tempat di mana manusia boleh ber-lindung. Tiada syak bahawa apa yang dilakukan oleh komunisme itu adalah sesuatu yang sangat bertentangan dengan fitrah manusia.

Komunisme pasti akan melenyapkan agama dan dengan itu lenyaplah kemanusiaan. Manusia itu menjadi manusia hanya dengan fitrahnya yang tertentu. Dalam hubungan ini hendak diteruskan perjuangan menentang fahaman komuni-sme ini habis-habisan.

Demikian jugalah halnya dengan Zionisme. Ia akan menghancurkan manusia melalui penindasan manusia atas manusia. Lain halnya dengan bangsa Melayu, yang membukakan pintu kaumnya kepada sesiapa saja yang ingin me-nyertainya dan menghayatinya. Kaum Yahudi akan berdiri di atas kaum-kaum lain dan menangguk apa saja yang ada demi kemegahan bangsanya.

Tidak dapat dinafikan bahwa kesan buruk yang dibawa oleh fahaman Zionisme ini akan melumpuhkan manusia se-bagi suatu ciptaan Tuhan yang maha berguna.

Zionisme harus ditentang habis-habisan kerana dengan adanya fahaman ini keamanan dan keadilan tidak mungkin akan tercapai di seluruh dunia.

Ini adalah kerana dunia yang kita diamti sekarang ini telah seolah-olah menjadi begitu kecil sekali kerana alat-alat perhubungan yang ada pada hari ini telah memungkinkan perjalanan lebih cepat dan lebih sempurna daripada zaman-zaman dulu. Apa yang berlaku di suatu tempat

bolch dengan cepatnya meninggalkan kesan di tempat yang lain.

Zionisme yang mencoba menguasai manusia akan dapat berbuat demikian dalam tempoh yang singkat kerana salah satu daripada aktivitinya adalah bermiaga. Perniagaan yang begitu luas dan bebas pada hari ini tidak syak lagi akan melibatkan seluruh umat manusia hingga ke akar-akar umbinya.

Perkara-perkara dan benda-benda asas untuk hidup pun akan secara tidak langsung berkait dengan aktiviti ekonomi yang begitu bebas itu. Malah bukan hanya air yang diminum itu saja yang boleh terkawal, tetapi kelakuan ‘ken-cing’ pun akan terpengaruh olehnya. Sesungguhnya bahaya Zionisme ini amat besar sekali.

Berbicara tentang ekonomi ini tidaklah pula boleh dilupakan golongan komunis. Memang benar bahwa ekonomi bebas itu boleh digunakan oleh Zionis tetapi ekonomi yang terkawal pula sama juga bahayanya.

Kawalan ke atas ekonomi akan membawa penderitaan kepada umat manusia. Penderitaan yang dimaksudkan adalah penderitaan yang diakibatkan oleh kawalan ke atas jiwa individu.

Setiap manusia itu memerlukan kebebasan dan tidak suka akan paksaan. Manakala komunisme akan memaksa setiap individu dalam masyarakat itu menghasilkan bukan untuk dirinya, tetapi adalah untuk negerinya.

Sungguhpun negeri itu penting, tetapi kebebasan hendaklah diberikan kepada individu dalam masyarakat itu membuat sumbangannya sendiri terhadap negeri itu.

Dalam hubungan ini penting sekali agama dalam masyarakat itu. Hanya dengan agama barulah kerelaan hati seorang itu tercetus untuk menderma selebih daripada apa yang diperlukannya.

Bagi orang-orang Islam hal ini jelas sekali. Menderma ke, pada negara itu adalah memperlihatkan rasa sayang terhadap negara dan bangsa dan ini adalah sebahagian daripada iman. Orang Islam hidup bersaudara dalam sesebuah masyarakat.

Perasaan persaudaraan akan hanya wujud jika agama Islam itu diamalkan secara jujur dan tulus ikhlas, dan ini amat penting sekali bagi orang-orang Islam kerana tanpa perasaan persaudaraan suatu fitrah manusia atau kemanusiaan itu akan luput.

Perlu diingatkan di sini bahawa kedinamisan ummat Islam itu bergerak di antara dua eksis, iaitu horizontal eksis hubungan sesama manusia, dan vertical eksis hubungan dengan Allah.

Manusia Islam berbaik-baik sesama manusia selagi manusia itu mematuhi perintah Allah, dan manusia Islam itu senantiasa berdoa kepada Allah supaya apa yang mereka doakan dikabulkan oleh Allah.

Oleh yang demikian, paksaan dari segi mencari nafkah tidak sesuai bagi umat Islam yang termasuk golongan bangsa Melayu.

Paksaan akan melenyapkan perasaan dan lenyapnya perasaan akan menghapuskan sifat manusia untuk persaudaraan yang ikhlas tadi. Biarlah hendaknya sebarang sumbangan terhadap negara itu datangnya dari hati yang tulus ikhlas.

Sayogia diungatkan manusia ini adalah makhluk Allah yang amat berbeda sifatnya dengan makhluk-makhluk yang lain. Di samping ianya berperasaan, ia mempunyai akal fikiran dan oleh itu tidaklah dapat dipaksa-paksakan sesuatu tanpa terlebih dulu diterima oleh akal manusia itu. Sebarang paksaan akan mengakibatkan kehancuran.

Di sini lahirlah pula suatu keperluan, iaitu landasan yang

boleh digunakan oleh manusia itu untuk berfikir kerana tanpa landasan ini, akan timbul pula kesewenang-wenangan, yakni sesiapa saja boleh mendakwa bahawa dia telah berfikir dengan saksama. Oleh itu hasil fikirannya boleh di-terima.

Memang benar bahwa kebebasan berfikir, seperti juga kebebasan-kebebasan lain itu, perlu tetapi dalam hubungan ini kebebasan itu mestilah ada had-hadnya. Manusia sebagai makhluk Allah yang boleh berfikir itu adalah memikirkan hal-hal mengenai masyarakatnya.

Oleh kerana masyarakatnya ini bersifat manusia maka landasan fikirannya itu mestilah sesuatu yang boleh menjamin keadilan.

Seperti yang kita ketahui atau percayai, keadilan akan hanya tercapai jika sekiranya kita landaskan tindakan kita, sama ada berbentuk fikiran ataupun apa-apa yang lain, di atas kebenaran.

Lagi sekali bagi orang-orang Islam, kebenaran itu adalah apa yang telah difirmankan oleh Allah di dalam kitab suci-nya Al-Quranul Karim.

Kembali kepada bangsa, jelaslah bahwa faktor agama penting sekali disedari dalam rangka menghadapi musuh negara ini. Tidak ada suatu bahaya lain yang lebih besar yang mengancam masyarakat Melayu selain daripada komunis, Zionis dan orang-orang yang munafik.

Orang-orang Melayu tidak akan dapat melaksanakan keadilan jika sekiranya agama mereka dihapuskan daripada masyarakat mereka. Agama mereka adalah yang membawa kebenaran kepada mereka.

Tanpa kebenaran timbulah kekejaman dan apabila ter-dapat kekejaman haruslah kekejaman itu dihapuskan se-cepatnya kerana itulah proses ummat manusia yang paling besar.

Komunis, Zionis dan orang-orang yang munafik adalah pembawa kekejaman. Fahaman komunis dan fahaman Zionis adalah bersifat kedajalan dan orang-orang yang menganuti sifat ini adalah dajal-dajal yang bermata satu. Mereka ini akan melihat hanya benda-benda dan dengan benda-benda itu mereka akan mencuba menawan dan menakluki dunia ini.

Oleh yang demikian, mereka ini haruslah diperangi, terutamanya oleh bangsa Melayu yang seluruh servival dan identitinya bergantung kepada ciri-ciri yang telah ditentukan oleh firman Allah yang antaranya (bermaksud) '*manusia ini dijadikan ber kaum-kaum supaya mereka mengenali di antara satu dengan yang lain dan Allah mengirimkan rasul kepada kaum-kaum manusia itu melalui bahasa kaum itu supaya dapat difahami oleh kaum itu dengan lebih mudah dan bahasa manusia itu bebas dengan agama, yakni kau dengan agama kau, aku dengan agamaku.*'

Dari segi ini jelas kepada kita bahwa bangsa Melayu yang terbuka sifatnya, yang berlandaskan kehidupan yang berasaskan agama Islam, adalah satu daripada kaum-kaum yang direndai oleh Allah itu.

Bangsa Melayu menerima maksud wahanu Allah melalui bahasa Melayu. Tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Melayu itu sendiri berkembang dengan pesatnya adalah kerana ia menjadi pengantar agama Islam yang maha suci itu.

Sebagai kesimpulan, perlulah ditegaskan di sini bahwa manusia bangsa Melayu menghadapi komunis, Zionis dan orang-orang yang munafik itu adalah menghadapi soal hidup dan mati.

Ia melibatkan bukan hanya identiti dan survival, tetapi lebih-lebih lagi kebenaran dan keadilan.

Oleh yang demikian adalah menjadi tanggungjawab mut-

Iak setiap individu Melayu untuk bukan hanya mempertahankan diri, tetapi berjuang menentang musuh-musuh itu.